

**KAJIAN KESAN PERBEZAAN ALIRAN MAZHAB
KE ATAS KESATUAN MASYARAKAT ISLAM
KAJIAN KES : PELAJAR DAN STAF UTM**

*No. Vot Penyelidikan:
71867*

Ketua Penyelidik:

PM. DR HUSSIN BIN SALAMON

Penyelidik:

*MOHD. ISMAIL MUSTARI
AHMAD KILANI BIN MOHAMAD
KAMARUL AZMI BIN MOHAMED
SAYED MAHUSSIN BIN SAYED AHMAD*

*PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
81310, UTM SKUDAI*

ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

Prakata
Abstrak
Abstrak
Senarai Rajah
Senarai Singkatan Perkataan

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Matlamat dan Objektif Kajian	7
1.5	Persoalan Kajian	8
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Skop dan Batasan Kajian	8
1.8	Bentuk Kajian	9
1.9	Takrif Istilah	9
1.10	Rumusan	11

BAB 2

SOROTON KAJIAN

2.1	Pengenalan	12
2.2	Sejarah Berlakunya Perbezaan Pendapat di Kalangan Umat Islam	13
2.3	Perbezaan antara Salafi dan Khalafi	14
2.3.1	Ahli Salaf	14
2.3.2	Ahli Khalaf	16

2.4	Definisi Mazhab dan Kaedah Pengambilan Hukum dalam Mazhab	19
2.4.1	Kaedah Pengambilan Hukum dalam Mazhab	20
2.5	Aliran Mazhab <i>Ahli Sunnah Waljamaah</i>	23
2.5.1	Ahli Sunnah dalam Perspektif Nusus	25
2.5.2	Mazhab Hanafi	25
2.5.3	Mazhab Maliki	28
2.5.4	Mazhab Syafie	32
2.5.5	Mazhab Hambali	35
2.6	Kesatuan Umat Islam	38
2.7	Kesatuan Tauhid	42
2.8	Ukhwah Islamiyah	43
2.9	Kesan Perbezaan Aliran Mazhab terhadap Kesatuan Umat Islam	46
2.9.1	Aliran Mazhab di Malaysia Perspektif Dari Jabatan Agama Islam Johor	48
2.10	Kesimpulan	50

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	52
3.2	Metodologi Penyelidikan	52
3.2.1	Kajian Perpustakaan	53
3.2.2	Kajian Lapangan	53
3.3	Jangkamasa Kajian	56
3.4	Kesimpulan	57

BAB 4

ANALISIS KAJIAN

4.1	Pengenalan	58
4.2	Bahagian A	59
4.2.1	Latar Belakang Responden	59

4.2.2	Pekerjaan dan Tempat Kerja Responden	61
4.2.3	Kelulusan Akademik	62
4.3	Bahagian B	63
4.3.1	Pembelajaran Tentang Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah	63
4.3.2	Pemahaman Tentang Hadis Bidaah	64
4.3.3	Pemerhatian Responden Terhadap Perbezaan Aliran Mazhab di UTM	64
4.3.4	Pemandangan Responden Terhadap Mazhab <i>Ahli Sunnah Waljamaah</i>	66
4.4	Bahagian C	
4.4.1	Sikap dan Tingkah Laku Terhadap Mereka yang berlainan Mazhab	68
4.5	Bahagian D	
4.6	Kesimpulan	

BAB 5

CADANGAN DAN PENUTUP

5.1	Pengenalan	73
5.2	Rumusan Penemuan Kajian	73
5.2.1	Kesan Perbezaan Aliran Mazhab Terhadap Kesatuan Umat Islam di UTM	74
5.2.2	Sikap Umat Islam terhadap Perbezaan Aliran Mazhab	75
5.3	Cadangan Integrasi Umat Islam	75
5.4	Cadangan Khusus bagi Kawasan Kajian	77
5.5	Penutup	78

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perbezaan pemahaman terhadap ajaran Islam telah bermula semenjak zaman Rasulullah SAW masih hidup lagi, namun perbezaan tersebut tidak sampai berterusan dan menimbulkan konflik, kerana Rasulullah SAW masih berada di tengah-tengah umat dan boleh menjelaskan serta memberikan keterangan lengkap atas segala persoalan dan perbezaan diantara para sahabatnya. Menurut Thaha Jabir Fayyadh Al-'Alwani, (1989:29), apabila berlaku perselisihan pendapat dikalangan sahabat di dalam sesuatu persoalan, mereka segera mengembalikannya kepada Rasulullah SAW kemudian baginda menerangkan jalan yang hak dan jalan petunjuk tersebut.

Begitu juga pada zaman para sahabat, selepas kewafatan Rasulullah SAW, sering juga berlaku perbezaan pendapat terhadap sesuatu masalah, baik dalam soal ibadah, muamalah mahupun perkara penting yang lain, ataupun sesuatu persoalan yang muncul ketika Rasulullah SAW masih hidup tetapi belum sempat ditanyakan pada baginda. Biasanya para sahabat akan sering bertanya sesama sendiri terlebih dahulu, sekiranya terdapat sahabat yang telah mengetahui dan pernah mendengar keterangan persoalan tersebut dari nabi SAW, sedangkan tidak diketahui oleh sahabat-sahabat yang lain. Apabila tiada salah seorang yang mengetahui dalil atau nasnya, mereka akan bermusyawarah untuk menetapkan hukum atas persoalan yang mereka hadapi itu.

Menurut Thaha Jabir Fayyadh Al-'Alwani lagi, sesungguhnya para sahabat Rasulullah SAW telah berselisih pendapat dalam banyak perkara. Antara perkara-perkara yang mereka berselisih pendapat mengenainya ialah seperti;

- a) perselisihan pendapat mengenai wafatnya nabi
- b) dalam memerangi golongan yang enggan membayar zakat
- c) dalam beberapa masalah fiqah.

Menurut Muhammad Ramzi bin Omar radhiallahu'anhu apabila menghadapi kebuntuan menyelesaikan sesuatu masalah, beliau akan mengumpulkan para sahabat dan meminta pandangan mereka, sekiranya para sahabat setuju pada sesuatu penyelesaian, maka beliau akan memutuskan cara tersebut. Cara ini dilakukan Umar r.a walaupun dari sudut kefahaman tentang ilmu-ilmu agama, beliau boleh dikatakan agak kehadapan.

Setelah kewafatan baginda SAW terdapat satu lagi sumber penting bagi hukum islam. Sumber ini mendapat tempat tertinggi selepas al-Quran dan hadis iaitu *ijmak* para sahabat (Ahmad Syalaby, 1968: 7). Sumber *ijmak* ini mendapat kedudukan sebagai salah satu sumber hukum, kerana hakikatnya *ijmak* para sahabat adalah merupakan ijtihad sekumpulan ahli hukum Islam, maka nilai *ijmak* dianggap lebih tinggi berbanding ijtihad perseorangan. Nilai *ijmak* yang tinggi ini berdasarkan pendapat ahli sunnah dan pandangan ulama' kerana para sahabat ialah orang yang adil dan keadilan mereka diiktraf oleh Allah SWT dalam

beberapa ayat al-Quran dan dikuatkan oleh Rasulullah SAW melalui hadis sahih yang banyak jumlahnya (Muhammad Ramzi bin Omar, 1993: 3).

Setelah berakhir zaman sahabat, ketika itu wilayah Islam sudah semakin luas disamping jumlah umat Islam yang semakin ramai kerana dakwah Islamiyyah sudah tersebar ke merata dunia, muncul pula pelbagai permasalahan baru yang tidak dijumpai pada zaman sebelumnya, disamping muncul pula perbezaan pemahaman tentang dalil dari al-Quran dan As-sunnah seperti dalam masalah wuduk, bersucu, sembahyang, puasa, zakat, haji dan masalah-masalah fekah lainnya. Kesannya timbul ijtihad dari para ulama' yang bersifat perseorangan mengakibatkan lahirnya pelbagai aliran mazhab (Ahmad Shabaly, 1968: 9). Mazhab-mazhab tersebut mencerminkan pendapat ulama' masing-masing. Ada diantara mazhab-mazhab tersebut telah lenyap, dan ada pula yang masih hidup dan tersebar hingga sekarang yang mempunyai bilangan penganut yang berbeza-beza (Ahmad Shalaby, 1968: 9).

Adapun mazhab-mazhab yang telah diiktiraf oleh Ahli Sunnah dan diikuti oleh majoriti kaum muslimin serata dunia adalah Mazhab Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafie, Imam Ahmad bin Hanbal. Setelah berakhir pembentukan pegangan mazhab imam yang empat ini, umat Islam sudah semakin jauh dari cahaya ilmu dan fahaman taklid yang berkembang dengan cepat. Terdapat dikalangan umat Islam beranggapan bahawa sudah cukup memadai untuk mengikut kepada salah satu mazhab sahaja. Fahaman seperti ini terus berlanjutan hingga sekarang, dimana di hampir di merata dunia majoriti umat Islam berpegang pada satu mazhab tertentu khususnya mazhab yang empat tersebut. Menurut (Thaha Jabir Fayyadh Al-'Alnawi, 1989; 133) semenjak kurun keempat hijrah, terhentilah ijtihad dan tempatnya digantikan dengan tqlid yang tersebar luas. Pendapat dan fatwa terhasil mengikut aliran mazhab sahaja dan perlu dijadikan pegangan serta disebarikan dikalangan mazhabnya. Malahan kegiatan fekah hanya berkisar dalam sesuatu mazhab sahaja.

Pengelompokkan umat Islam kepada aliran mazhab ini dalam beberapa keadaan pula menggugat keharmonian dan kesatuan umat Islam, sedangkan Islam memerintahkan umat Islam agar bersatu dan mengelakkan pepecahan. Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan untuk mengetahui setakat mana kesan perbezaan aliran mazhab ini terhadap kesatuan dan keharmonian umat Islam di negeri Johor, khususnya dikalangan kakitangandan para pelajar UTM.

1.2 Latar Belakang Masalah

Majoriti umat Islam di seluruh dunia dewasa ini khususnya di Malaysia mengikut suatu mazhab tertentu samada Mazhab Hanafi, Syafie, Maliki, Hambali. Walaupun pada hakikatnya para imam tersebut tidak menganjurkan umat Islam untuk mengikut seratus peratus terhadap pandangan mereka. Antaranya ucapan Imam Syafie yang cukup popular iaitu “apabila kamu menemui dalam kitabku sesuatu yang berlaianan atau berlawanan dengan hadis Rasulullah SAW, peganglah hadis baginda dan tinggalkan pendapatku itu,” (Muhammad Nashiruddin al-Albani, 2000: 58). Pesan Imam Syafie yang lainnya pula “setiap orang harus bermazhab kepada Rasulullah dan mengikutnya. Apapun pendapat yang aku katakan atau sesuatu yang aku katakan itu berasal dari Rasulullah SAW tetepi ternyata berlawanan dengan pendapatku,

apa yang disabdakan Rasulullah SAW itulah yang menjadi pendapatku,” (Muhammad Nashiruddin Al-Albani 2000: 57).

Mengikuti Ahmad Syalaby (1968: 10) Imam Ahmad bin Hambal juga dengan sendiri tegas untuk menolak sikap kebanyakan kaum muslimin yang puas dengan suatu mazhab. Hal ini ternyata dari jawabannya ketika ditanya orang pendapatnya dan pendapat al-Auza'i mengenai sesuatu masalah, maka jawabnya “janganlah tuan-tuan mengambil dari kami tetapi ambillah dari sumber tempat kami mengambilnya iaitu al-Quran dan Hadis yang sah.

Jika melihat sejarah keempat imam Ahli Sunnah ini sekalipun, terdapat banyak perbezaan diantara mereka didalam memahami hukum-hukum Islam dan cabang-cabang hukum namun mereka tidak pernah merendah-rendahkan antara satu sama lain apatah lagi mencaci maki. Bahkan mereka saling memuji, hormat menghormati dan menghargai keilmuan dan kebijaksanaan sesama sendiri serta jauh dari perpisahan dan pertikaian. Hal ini dibuktikan apabila Imam Syafie sendiri pernah berkata “Malik bin Annas adalah guruku, kerana dari beliaulah ku ambil ilmu,” (Thaha Jabir Al-Fayyadh Al-'Alwani, 1989: 125). Ulasan beliau untuk Imam Hanifah pula “manusia dalam fekah sangat berhajat kepada Abu Hanifah” sementara Imam Ahmad pula memuji gurunya Imam Syafie Rahimahullah bahawa “Imam Syafie adalah laksana matahari bagi dunia ini dan laksana kesihatan bagi manusia (Thala Jabir Fayyadh Al-'Alwani, 1989: 129).

Asas utama yang menyebabkan tiada pertikaian antara imam-imam ini adalah kerana perbezaan yang berlaku diantara mereka adalah berdasarkan perbezaan kaedah pemahaman ilmu berhubung dengan dalil-dalil dari al-Quran dan As-Sunnah, Selain itu, hal ini keranakeikhlasan mereka untuk mencari kebenaran, serta jauh dari dorongan hawa nafsu dan kepentingan duniawi.

Perbezaan ini berlaku kerana dalil atau keterangan yang tidak mempunyai keterangan yang lengkap oleh seseorang imam, sementara imam mazhab yang lain telah mendapatkannya dan menyedari bahawa jauhnya masa dari zaman Rasulullah dan kerana belum ada sebarang penulisan hadis-hadis nabi yang lengkap dan tersusun. Pengetahuan Islam bertebaran merata dunia dan dibawa oleh individu-individu tertentu dari kalangan sahabat dan tabi'in sehingga para imam perlu mengembara untuk mendapatkan suatu hadis nabi atau keterangan dari para sahabat. Disamping itu, perbezaan didalam istinbathukum juga sedikit sebanyak dipengaruhi juga dengan keadaan dan situasi sekitar zaman imam tersebut masih hidup. Menurut Thaha Jabir Fayyadh Al-'Alwani (1989: 103), sebab-sebab perbezaan pendapat dalam lapangan fekah dibahagikan kepada tiga iaitu a) bahasa b) riwayat sunnah c) kaedah usul dan panduan istinbat.

Banyak pepecahan pendapat pandangan dan pendapat pada awal zaman Islam apatah lagi pada zaman sekarang. Umat Islam bukan sahaja semakin jauh masanya dengan zaman Rasulullah SAW bahkan zaman ini sendiri ditegaskan Rasulullah SAW adalah zaman fitnah yang menyebabkan semakin banyak timbul perbezaan pendapat. Malangnya perbezaan ini kebanyakannya tidak didasarkan mengikut kaedah ilmu dan akhlak Islamiyah, sebagaimana yang ditunjukkan oleh para sahabat para imam Ahli Sunnah terdahulu. Ini menyebabkan perselisihan berlakuke tahap yang parah yang menyumbang kepada berlakunya perpecahan dakalangan umat Islam walaupun perkara ini sangat ditegah dalam Islam.

Di Malaysia, Sejak dahulu lagi majoriti umat Islam mengikut Mazhab Syafie, namun sejak kebelakangan ini muncul pula aliran mazhab baru di tengah-tengah kaum muslimin, khususnya di Universiti Teknologi Malaysia yang menjadi tumpuan kajian. Aliran mazhab baru ini mempunyai perbezaan cara pengenalan serta kepercayaan berbanding perbezaan dengan majoriti kaum muslimin. Antara perbezaan utama ialah perkara yang berhubung dengan tauhid khususnya dalam memahami sifat 20 yang telah diyakini dan diamalkan oleh majoriti kaum muslimin sejak berzaman lagi. Aliran baru ini sebaliknya meyakini bahawa sifat Allah SWT melalui fahaman *Tauhid Asma' wa Sifat*. Selain itu aliran baru ini juga menunjukkan perbezaan dalam pengamalan beberapa amalan ibadahnya, contohnya mengerakkan jari ketika duduk tasyahud awal dan akhir dalam sembahyang selain tidak mengamalkan doa Qunut. Sementara kebanyakan kaum muslimin di Malaysia tidak berbuat demikian.

1.3 Pernyataan Masalah

Kesatuan umat Islam merupakan salah satu asas penting dalam ajaran Islam. Kesatuan ini yang membawa kejayaan dan kecemerlangan Islam pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat. Sehingga Rasulullah menyebabkan dalam suatu hadis sahih bahawa kurun atau zaman beliau dan zaman pengikutnya merupakan zaman yang terbaik. Yang dimaksudkan zaman terbaik itu adalah dari segi aspek keharmonian umat, ketinggian akhlak dan kesatuannya.

Namun setelah zaman Rasulullah dan para sahabat berakhir, mulailah umat Islam berpecah belah dalam berbagai golongan, sampai akhirnya timbul pula beberapa mazhab dalam ajaran Islam. Sehingga kini terdapat empat mazhab utama yang diiktiraf oleh ahli sunnah iaitu mazhab Hanafi, Maliki, Shafie, dan Hanbali yang masing-masing mazhab mempunyai pengikut yang ramai dikalangan kaum muslimin dimerata dunia. Namun sikap yang melampau dan fanatisme yang berlebihan diantara pengikut suatu mazhab, kadang-kadang dapat menimbulkan perselisihan diantara umat Islam, dan dalam tahap yang kritikal dapat menggugat kesatuan dan keharmonian umat Islam.

Di Malaysia, majoriti umat Islam mengikut mazhab Shafie, yang telah diyakini dan diamalkan semenjak dahulu lagi. Namun sekarang ini muncul pula aliran baru yang berlainan daripada mazhab Syafie di tengah masyarakat, khususnya di dalam kampus UTM. Oleh itu, kajian perlu dijalankan untuk melihat setakat mana kesan kemunculan aliran mazhab selain mazhab Syafie ini terhadap keharmonian dan kesatuan umat Islam di kampus UTM. Oleh itu, kajian dijalankan untuk melihat setakat mana kesan kemunculan aliran mazhab selain mazhab Syafie ini terhadap kesatuan dan keharmonian umat Islam di kampus UTM untuk masa kini dan masa akan datang.

Berdasarkan tujuan tersebut satu kajian dijalankan kepada kakitangan dan pelajar UTM yang meliputi pelbagai latar belakang, sikap, pemahaman agama dan amalan agama, supaya cadangan dikemukakan agar kesatuan dan keharmonian umat Islam di Malaysia dan khususnya di dalam UTM dikekalkan.

1.4 Matlamat dan Objektif Kajian

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengetahui setakat mana perbezaan pemahaman aliran mazhab ahli sunnah yang terdapat di UTM. Untuk mencapai matlamat tersebut, kajian dijalankan berdasarkan objektif ini;

- a. Mengenal pasti perbezaan aliran mazhab ahli sunnah yang terdapat di UTM
- b. Mengenal pasti kesan perbezaan aliran mazhab ahli sunnah terhadap kesatuan kakitangan UTM dan pelajar UTM.

1.5 Persoalan Kajian

Terdapat tiga persoalan kajian yang cuba untuk dijawab di dalam kajian ini, yang mana perincinya adalah seperti berikut;

- a. Apakah terdapat perbezaan aliran mazhab ahli sunnah di UTM?
- b. Bagaimana kesan perbezaan aliran mazhab ahli sunnah terhadap kesatuan kakitangan UTM dan pelajar UTM

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan yang bererti bagi mewujudkan kesatuan dan keharmonian umat Islam di Malaysia terutamanya diantara kakitangan dan pelajar UTM. Selain itu, hasil kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak universiti dalam mengambil cadangan dan polisi yang sepatutnya bagi mengekalkan keharmonian dan kesatuan umat Islam di kampus UTM. Bagi ahli akademik dan penyelidik pula, hasil kajian juga diharap mampu untuk memberikan maklumat yang berguna untuk penyelidikan lebih lanjut bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kesatuan dan keharmonian umat Islam di Malaysia.

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini akan ditumpukan pada kefahaman tauhid, khususnya yang berkaitan dengan sifat-sifat Allah SWT. Disamping itu, kajian tentang perbezaan dalam amalan ibadah seharian, terutamanya dalam sembahyang. Kajian ini hanya mengkaji tentang persepsi kakitangan dan pelajar UTM yang meliputi aspek pemahaman dan sikap agama, pengamalan ajaran agama, dan adakah aliran mazhab ahli sunnah selain mazhab Syafie di kampus UTM bersesuaian dan dapat diterima oleh masyarakat kampus UTM. Untuk mencapai maksud tersebut, persampelan terhadap kakitangan dan pelajar UTM sahaja sehingga didapatkan maklumat dan data yang kemudiannya akan dianalisa.

1.8 Bentuk Kajian

Kajian ini akan dijalankan dengan deskripsi, dimana data yang diperoleh akan dianalisa

dan dihuraikan sehingga menggambarkan keadaan yang sebenarnya. Sumber data adalah data sekunder dan data primer. data sekunder berasal dari kajian di perpustakaan, manakala data primer diperoleh dari hasil soal selidik dan temu bual dengan responden yang dipilih.

1.9 Takrif Istilah

Untuk memudahkan pemahaman dan pelaksanaan kajian ini, maka akan dijelaskan beberapa maksud dan definisi istilah yang digunakan dalam kajian ini, seperti yang berikut;

1.9.1 Kesan

Kamus Dewan (2003: 663) mentakrifkan kesan sebagai sesuatu (sama ada kebaikan atau keburukkan) yang timbul daripada sesuatu kejadian (keadaan, perbuatan, tindakan dan lain-lain). Dalam kajian ini, kesan adalh merujuk kepada bagaimana tanggapan, sikap dan amalan individu terhadap kewujudan aliran mazhab ahli sunnah yang lain selain mazhab Syafie dikalangan mereka.

1.9.2 Mazhab

Kamus Za'ba (tt: 745) mentakrifkan mazhab sebagai aliran fahaman agama Islam yang dibawa oleh imam tertentu (Syafie, Hambali, Maliki, dan Hanafi). Kamus kontemporer Arab-Indonesia (1996:1677) mengertikan mazhab sebagai aliran/doktrin atau ajaran.

1.9.3 Kesatuan

Kamus Dewan (2000:1195) menakrifkan kesatuan sebagai keadaan yang satu (sama). Dalam kajian ini yang dimaksudkan kesatuan adalah kewujudan keharmonian dan kemesraan dalam kehidupan dan aktiviti umat Islam.

1.9.4 Masyarakat

Kamus Za'ba (tt:742) mentakrifkan kumpulan orang yang hidup dan bergaul bersama di suatu tempat (kampung, bandar, pinggir bandar, dan lain-lain) atau mengikut golongan bangsa (Melayu, Cina, India, dan lain-lain) atau agama (Islam, Kristian, dan lain-lain). Sementara Hassan Hamzah pula, (1997:724) mengatakan masyarakat adalah kumpulan orang yang hidup bersama dan bergaul sesama di suatu tempat atau mengikut golongan bangsa dengan cara dan adapt resam masing-masing.

Dalam kajian ini yang dimaksudkan masyarakat adalah merujuk kepada umat Islam yang meliputi kakitangan dan pelajar UTM.

1.10 Rumusan

Kajian ini amat perlu dilakukan untuk mengetahui lebih awal kesan daripada perbezaan pemahaman dan amalan diantara mazhab ahli sunnah di Malaysia, khususnya di UTM. Sekiranya perbezaan boleh menimbulkan ketegangan dalam kesatuan dan keharmonian umat Islam, tindakan awal dapat diambil sama ada dengan pelaksanaan polisi dan cadangan bagi mengatasi masalah tersebut.

Kajian ini hanya akan melihat dari sudut pemahaman, sikap dan amalan masyarakat kakitangan dan pelajar-pelajar UTM terhadap kemunculan aliran mazhab ahli sunnah selain mazhab Syafie di kampus UTM.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Perbezaan pendapat dikalangan umat Islam khususnya umat Islam adalah perkara yang lumrah. Islam tidak melarang umat Islam berbahas dan mengemukakan pendapat masing-masing dalam sesuatu perkara bahkan digalakkan umat Islam mengemukakan pandangan dan pendapat masing-masing yang bersesuaian dengan garis panduan ajaran Islam itu sendiri. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud *perbezaan pendapat dikalangan umat Islam ialah satu rahmat*. Ini memberi peluang secara tidak langsung kepada masyarakat Islam berhujah dan bermuzakarah bagi mencambahkan lagi ilmu pengetahuan khususnya dalam hukum-hukum agama Islam itu sendiri.

Al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT kepada umat manusia merupakan satu perundangan sempurna yang menerangkan kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip mencakupi seluruh kehidupan manusiasecara umum, manakala hadis berperanan pula untuk menerangkan secara terperinci hukum-hukum yang terdapat dalam al-Quran. Jika suatu masalah itu tidak diterangkan dalam al-Quran atau hadis Rasulullah SAW dengan jelas barulah ijtihad para Mujtahid dalam menentukan hukum bagi kemaslahatan masyarakat Islam. Rasulullah SAW pernah menyoal sahabat baginda Muaz bin Jabal yang akan diutus ke negeri Yaman sebagai pendakwah dan juga sebagai kadi sabdanya yang bermaksud :

“Wahai Muaz, bagaimana engkau menyelesaikan sesuatu masalah, jika engkau ditanya orang?”. Jawab Muaz “Aku akan menghukum dengan hukuman yang didapati dalam al-Quran.” Tanya Rasulullah SAW lagi, “jika tidak ada hukum dalam al-Quran?” Muaz menjawab, “Aku akan berpandukan dengan sunnah Rasulullah SAW (Al-Hadith).” Kemudian Rasulullah SAW bertanya lagi, “ Jika sekiranya tidak terdapat dalam hadith?”. Jawabnya “Aku akan berijtihad”. Kemudian Rasulullah SAW menepuk-nepuk dada Muaz sambil bersabda “Segala puji bagi Allah SWT yang telah memberikan petunjuk kepada utusan Rasulullah SAW (Muaz) dengan perkara yang diredhai oleh Allah SWT dan Rasulnya.”

(Riwayat Imam Ahmad & Tirmizi)

Perbezaan mazhab atau pendapat dikalangan umat Islam tidak wujud ketika zaman Rasulullah. Apabila masyarakat Islam ketika itu menghadapi masalah atau kemusykilan berkaitan hukum hakam, mereka terus menemui Rasulullah SAW bagi mencari jalan penyelesaian. Ini adalah berbeza sekali dengan zaman sekarang khususnya dalam keadaan umat Islam yang ramai serta pelbagai kemajuan telah dicapai, ilmu pengetahuan berkembang dengan luas serta berbagai-bagai masalah yang lebih rumit timbul dari semasa ke semasa. Keadaan ini sudah tentu memerlukan ijtihad dari para mujtahid yang bersesuaian dengan al-Quran dan sunnah serta mengambil kira peredaran zaman dan tempat.

Dalam bahagian sorotan kajian ini akan diterangkan dengan terperinci sejarah permulaan timbulnya perbezaan mazhab, konsep dan definisi mazhab, mazhab empat yang

terbesar, implikasi perbezaan mazhab keatas umat Islam, aliran mazhab di Malaysia dan sikap kerajaan serta masyarakat terhadap perbezaan mazhab.

2.1 Sejarah berlakunya Perbezaan Pendapat dikalangan Umat Islam

Perbezaan pendapat atau hukum adalah perkara biasa dalam mana-mana perundangan yang mana diasaskan kepada amalan serta adat resam mereka, kerana amalan atau adapt resam itu berbeza mengikut cara berfikir manusia yang berbeza. (Dr Kassim Salleh 1989)

Ketika Rasulullah SAW masih hidup, perbezaan dan percanggahan pendapat tidak wujud sama sekali kerana sekiranya terdapat persoalan yang timbul, mereka akan segera meminta penjelasan dari Rasulullah SAW dan keputusan yang dibuat oleh Rasulullah SAW akan diikuti oleh para sahabat. Namun apabila baginda telah wafat dan dimana wahyu telah terputus, yang masih tertinggal dikalangan umat Islam ketika itu ialah al-Quran dan As-sunnah yang menjadi pegangan umat Islam dalam memutuskan sesuatu hukum. Jika sebelum ini mereka akan mendapatkan pandangan dari Rasulullah SAW, tetapi pada masa ini, mereka terpaksa menggunakan kaedah pengambilan hukum yang lain sama ada dengan menemui para sahabat Rasulullah SAW, Ijma' , dan Al-Qias.

Selepas zaman sahabat Rasulullah berakhir, muncul pula zaman tabi'in. Pada masa ini telah wujud pusat-pusat pengajian yang terkenal seperti di Kufah, Hijaz dan Mesir. Setiap orang alim ini akan dikelilingi oleh murid-murid mereka untuk mempelajari hadis dan mengembangkan di seluruh pelusuk daerah. Pada masa ini, lahirlah Imam Abu Hanifah di Kufah, Madinah sementara Imam Malik pula di Awza'e di Syam dan Al- Laith bin Sa'ad di Mesir. Kemudian selepas itu, datang pula peringkat kedua iaitu Imam As-Syafie, Imam Ahmad bin Hambal dan Daud bin Ali. Selepas itu, masih ada zaman ijtihad lagi tetapi kemudiannya umat Islam mula cenderung untuk mengikuti mazhab yang telah disusun oleh para imam muktabar tersebut. ketika itulah lahir para pengikut mazhab-mazhab empat yang terkenal iaitu Hanbali, Hanafi, Syafie dan Maliki. (Dr Kassim Salleh 1989).

2.2 Perbezaan antara Salafi dan Khalafi

2.2.1 Ahli Salaf

Pemahaman ahli sunnah bersandarkan syariah dan sejarah. Terdapat dua generasi yang sangat popular dalam sejarah perkembangan Ahli Sunnah Waljamaah, golongan pertama yang dikenali sebagai Ahli Salaf dan golongan kedua pula dikenali sebagai Khalaf.

Perkataan Ahli Salaf dari segi etimologi atau dari segi metodogi (manhaj) bererti generasi awal Islam. Genarasi ini terdiri daripada para sahabat Nabi, Tabi'in, Tabi Tabi'in yang mewarisi perdagangan, fahaman dan penghayatan Islam yang unggul dan benar. Ini adalah seperti yang digariskan oleh Nabi SAW khususnya dalam bidang akidah.

Perkataan Ahli Salaf sama ada dilihat dari segi perspektif metodologi tidak berbeza dengan Ahli Sunnah Waljamaah. Istilah Salaf mula dimasyarakatkan oleh seorang tokoh Islam terkemuka iaitu Syeikh Islam Ibnu Taimiah (w. 728 H). Justeru itu Ahli Salaf dikaitkan secara sebatian dengan nama istilah Ahli Sunnah Waljamaah. Ibnu Khaldun sendiri menggunakan istilah

Ahli Salaf yang merujuk kepada ahli sunnah dalam kitab Mukaddimah karangannya. (Ibnu Khaldun t.th, 458; Abdul Syukor 1993,106)

Pada umumnya kaedah Ahli Salaf dalam akidah mempunyai persamaan dengan pendekatan umum Ahli Sunnah Waljamaah diasaskan oleh Ahli Salaf yang menjadikan al-Quran dan sunnah sebagai sumber akidah dan kepercayaan, memahami dan mengistibatkan kebenaran serta menyebarkan akidah Islam menerusi pendekatan al-Quran. Generasi Ahli Salaf tidak melihat kepada pendekatan lain seperti perbincangan akal, sistem logik dan sebagainya. Sikap Salaf didorong oleh beberapa faktor;

- i. Kejernihan hati dan kepatuhan Ahli Salaf yang tulus kepada al-Quran dan sunnah. Mereka percaya dengan mudahnya tentang perkara ghaib seperti ketuhanan, kenabian dan lain-lain hakikat keimanan dan kepercayaan. Mereka menghayati cara hidup, budaya berfikir dan bermasyarakat seperti yang telah ditentukan dalam al-Quran dan sunnah.
- ii. Keyakinan Ahli Salaf yang kental dan meyakinkan terhadap kebenaran dan kesempurnaan agama Islam dalam semua aspek yang diperlukan oleh manusia seperti yang telah difirmankan Allah SWT yang bermaksud;

“Pada hari itu Aku (Allah SWT) telah kamu dan aku telah cukupkan nikmatku terhadapmu dan Aku telah relakan Islam sebagai agama sempurnakan bagi kamu agama kamu dan aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu,”

(Surah 5:3)

- iii. Keimanan Ahli Salaf yang sangat tinggi terhadap kenabian Muhammad SAW dan kesempurnaan penyampaiannya menerangkan wahyu Ilahi terutama yang berkaitan dengan akidah. Mereka juga berkeyakinan bahawa akal tidak boleh digunakan bagiseseuatu yang berada diluar kemampuan kita. Contohnya menggunakan akal untuk menentukan masalah akidah dan perkara ghaib. Perbuatan sedemikian didorong sikap tamak dan zalim manusia dalam menggunakan sesuatu bukan pada tempatnya. (Abdul Syukor 1983, 13; 1987, 7-10; Ibnu Khaldun t.th, 460)

Golongan Salaf berpendapat bahawa orang yang berhak atau mentakwil atau mentafsirkan ayat-ayat al-Quran hanya Allah SWT sahaja. Orang lain tidak mengetahui hakikatnya tetapi golongan khalaf pula berpendapat bahawa mereka yang memiliki pengetahuan yang tinggi juga layak mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Ahli Salaf berpegang kepada tiga dasar dalam mentafsirkan ayat Mutasyibat iaitu;

- Beriman kepada kebenaran ayat Mutasyibat.
- Mentanzihkan Allah SWT daripada sebarang persamaan dan penyerupaan makhluk.
- Mengafwidkan atau menyerahkan kepada Allah SWT hakikat sebenar yang dikehendaki oleh ayat-ayat tersebut tanpa melakukan sebarang takwil. Menurut Ahli Salaf, pendekatan ini lebih terjamin dan selamat daripada sebarang pelanggaran yang tidak dikehendaki Allah SWT.

2.2.2 Ahli Khalaf

Tidak dapat dinafikan bahawa keadaan masyarakat termasuk masyarakat Islam kini semakin membangun dan terus berkembang serta berubah dari aspek pemikiran, cara hidup, ilmu pengetahuan dan cabaran yang dihadapi. Masyarakat Islam tidak static, malah semakin maju terutamanya dalam mentafsir nusus agama Islam, masalah kehidupan, pemikiran dan kebudayaan asing yang mula menyelinap masuk kedalam masyarakat Islam.

Pemikiran falsafah ketuhanan Yunani, kepercayaan Batiniah dan Tassawuf falsafi tersebar dan kian mempengaruhi masyarakat Islam sekarang. Keadaan ini mencabar dan menggugat kemurnian akidah umat Islam masa kini. Perkara utama sekali yang menjadi punca munculnya istilah Salaf dan Khalaf ialah kerana timbul kegawatan dalam mentafsir ayat Mutasyibat. Ayat ini mengandungi sifaat-sifat Allah SWT yang pada zahirnya mempunyai persamaan dengan sifat makhluk-makhlukNya. Kalau diimbau kembali, punca perselisihan faham diantara Salaf dan Khalaf bermula daripada perbezaan mereka memahami firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dialah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab suci Al-Quran. Sebahagian besar daripada ayat-ayat al-Quran itu ialah ayat ‘Muhkamat’ (yang tetap, tegas, dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat Muhkamah itu ialah ibu (atau pokok) isi al-Quran dan lain-lain ialah ayat ‘Mutasyabihat’ (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). Oleh itu,(timbullah fahaman yang berlainan mengikut kandungan hati masing-masing)0 adapun orang-orang yang ada dalam hatinya kecenderungan kearah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar, dari al-Quran utnuk mencari fitnah dan mencari-cari takwilnya (memutarkan maksudnya menurut yang disukainya). Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah SAW. Dan orang-orang tetap, teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama berkata kami beriman kepada semuanya datangnya dari sisi tuhan kami. Dan tiadalah yang menjadikannya pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran.”

(Surah 3:7)

Kehadiran golongan Khalaf bertujuan menangani kegawatan dalam mentafsirkan nusus Islam daripada sebarang penyelewengan dan membersihkan akidah Islam daripada pemikiran falsafah ketuhanan Yunani, batiniah, tasawwuf falsafi dan kebudayaan lama parsi dari terus bertapak dalam masyarakat Islam.

Imam Ghazali adalah diantara tokoh utama mempelopori pendekatan Khalaf. Imam Ghazali melakukan perubahan dan cabaran yang dihadapi oleh beliau pada masa itu. Imam Ghazali sangat gigih dan prihatin kepada cabaran tersebut. Usaha utamanya ialah dengan cuba memahami dan mendalami cabaran yang terdapat ketika itu. Beliau telah membuktikan kewibawaannya dengan mengkritik orang-orang yang terpikat dengan falsafah ketuhanan Yunani seperti al- Farabi dan Ibnu Sina’ melalui falsafahnya. Dua buah kitab karangannya iaitu Maqasid al-falasisifah dan Tahafut al-falasisifah telah membuktikan kewibawaannya dalam bidang falsafah. Kritikan beliau sangat tajam kepada falsafah ketuhanan Yunani.

Penolakan Imam Ghazali terhadap fahaman Batiniah telah dijelaskan dalam bukunya yang bertajuk Fadiah al-Batiniyyah (tembelang Batiniah) dan al-Munqidh min al-Dalal. Hujah

Imam Ghazali dalam bukunya sangat kuat dan berkesan sehingga berjaya melumpuhkan segala cabaran dan ancaman yang datang daripada golongan yang ingin menggugat kemantapan dan kestabilan akidah umat Islam ketika itu. Oleh itu, beliau layak menerima penghormatandari umat Islam sebagai Hujah Islam atau Hujjah al-Islam (al-Ghazali 1979, 95, 114-116). Daripada apa yang dijelaskan dan contoh yang dilakukan Imam Ghazali maka pendekatan Khalaf dalam memahami dan menangani masalah akidah berpandukan:

- Kehendak nusus-nusus agama (al-Quran dan sunnah)
- Menggunakan pendekatan akal dan logik

Pendekatan akal dan logik digunakan semata-mata untuk memperkukuhkan apa yang terkandung dalam nusus agama. Golongan Khalaf terus mendahulukan kehendak nusus yang diputuskan oleh akal. Konsep takwil yang mula diperkenalkan dalam mentafsirkan nusus atau ayat Mutasyabihat, tidak keluar dari mafhum wahyu Ilahi. Golongan Khalaf tidak sekali-kali mengangkat martabat akal melebihi nusus agama.

Kaedah Khalaf dalam pemikiran akidah Islam telah diguna pakai hingga ke hari ini. Namun demikian, pendekatan Salaf juga masih dihayati masyarakat Islam terutamanya di Timur Tengah. Selepas Imam Ghazali, pendekatan Khalaf telah diteruskan oleh tokoh-tokoh seperti syahrastani (791H) dan Syeikh Muhammad Abduh (1322H).

Golongan Khalaf yang menghadapi kegawatan pemikiran akidah dan kecelaruan dalam mentafsirkan nusus agama telah mengusahakan satu pendekatan baru yang lebih berkesan dan mudah difahami oleh akal manusia, sesuai dengan situasi masyarakat semasa. Pendekatan yang digunakan golongan Khalaf dalam mentafsirkan ayat Mutasyabihat ialah;

- Beriman dengan kebenaran ayat Mutasyabihat.
- Mentahzinkan Allah daripada sebarang persamaan dan penyerupaan makhluk.
- Mentakwilkan pengertian ayat Mutasyabihat dengan pengertian yang sesuai dengan Allah dan mudah difahami akal.

Pendekatan yang dikemukakan oleh Khalaf bertujuan menjamin kefahaman umat Islam agar tetap mantap dan subur disamping dapat menangani masalah penyelewengan yang timbul dalam masyarakat Islam. (Abdul Syukor & Samsul Bahri 1997 : 8-12)

2.3 Definisi Mazhab dan Kaedah Pengambilan Hukum dalam Mazhab

Kalimah mazhab dari segi bahasa ialah tempat untuk berjalan ataupun jalan itu sendiri (Kamus al-Marbawi 2000). Dari segi istilah pula, mazhab membawa maksud hukum-hukum yang terdiri dari himpunan masalah. Terdapat persamaan diantara maksud perkataan ini dari kedua-dua segi iaitu mazhab merupakan jalan yang menyampaikan kehidupan dunia dan hukum-hukum pula boleh menyampaikan kepada akhirat.

2.3.1 Kaedah Pengambilan Hukum dalam Mazhab

i. Al-Quran dan As-Sunnah

Merupakan sumber utama dalam menentukan hukum-hukum fiqh dan segala yang dijelaskan didalam al-Quran dan Sunnah diterima sebagai hukum yang muktamad.

ii. Ijma'

Ijma' bermaksud persetujuan ahli-ahli ijtihad pada satu zaman mengenai sesuatu hukum syarak. Ijma' ini telah bermula sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Diriwayatkan bahawa Saiyidina Ali RA telah berkata kepada Rasulullah SAW, "kadang-kadang ada perkara yang kami hadapi tetapi tiada hukumnya dalam al-Quran". Baginda menjawab, "kumpulkanlah orang-orang yang berilmu pengetahuan dan jadikan perkara tersebut sebagai bahan mesyuarat dikalangan kamu".

Diriwayatkan bahawa apabila Saiyidina Abu Bakar RA diajukan soalan atau masalah, beliau lantas meneliti kitab Allah SWT, jika ditemui hukum yang boleh menyelesaikan perkara tersebut, beliau terus menerimanya. Tetapi, sekiranya tiada hukum dalam al-Quran, dan beliau tahu hukumnya ada dalam sunnah Rasulullah SAW maka beliau akan segera mengamalkannya. Sekiranya beliau tidak tahu hukumnya daripada al-Quran dan As-sunnah, beliau akan menghimpunkan pemimpin-pemimpin dan golongan yang paling baik untuk diajak berunding. Apabila mereka semua telah mencapai satu kata sepakat, maka beliau akan menghukum mengikut kata sepakat itu. (Prof Dr Ahmad Syalaby ; 192)

Ada beberapa contoh yang menunjukkan bagaimana para sahabat berbincang sesama mereka dan menqiaskan masalah-masalah sehingga mereka mendapat satu keputusan yang menuaskan hati kebanyakan hati mereka. Kadangkala perbincangan mereka berakhir dengan dua pendapat dan pihak masing-masing akan berpegang kepada pendapat mereka sendiri.

iii. Al-Qias

Qias bermaksud persamaan cabang dengan pokok masalah dari segi hukumnya kerana persamaannya tentang illah (sebab) hukum itu. Nas al-Quran bermaksud;

"Apabila dipanggil untuk bersembahyang pada hari Jumaat maka segeralah kamu kearah mengingati Allah SWT dan meninggalkan urusan jual beli kamu" (Al-Jumu'ah; 9)

Jual beli dianggap makruh apabila panggilan untuk menunaikan sembahyang Jumaat telah bergema. Para ulama' menqiaskan segala jenis muamalat dan kerja-kerja lain yang melibatkan jual beli kerana semua itu terlinat dalam melengahkan kaum muslimin dari menunaikan sembahyang. Antara contoh qias yang pernah dilaksanakan oleh baginda Rasulullah SAW ialah riwayat beliau yang menyebutkan bahawa Saiyidina Umar RA telah berkata kepada baginda,

“Wahai Rasulullah SAW, hari ini saya telah melakukan suatu kesalahan besar. Saya telah mengucup isteri saya sedang saya berpuasa.” Baginda pun bertanya kembali, “Bagaimana kalau engkau berkumur-kumur semasa engkau berpuasa?”. Umar menjawab, “tidak menjadi apa-apa”. Baginda lantas menjawab, “kalau begitu teruskan puasamu”. (Prof Dr Ahamd Syalaby: 186)

Di sini baginda Rasulullah SAW telah mengqiaskan kucupan yang boleh membawa kepada persetubuhan dengan memasukkan air ke dalam mulut yang merupakan satu arah untuk meminumnya. Maka dari situlah ciuman juga tidak membatalkan puasa seperti berkumur-kumur ketika berpuasa.

iv. Istihsan

Makna istihsan menurut sekumpulan ulama ialah sesuatu yang lebih dicenderung kepada seseorang mujtahid tanpa sebarang dalil. Seorang mujtahid itu mungkin lebih cenderung kepada pendapat lain yang mungkin baginya lebih baik dari qias. Para ulama mazhab Syafie menolak hukum istihsan kerana menganggap beristihsan itu seolah-olah mencipta syariat baru. Tetapi takrif istihsan mengikut mazhab Hanafi adalah satu penyimpangan dari qias yang nyata kepada qias yang tidak nyata atau daripada suatu kebiasaan *urf* yang lumrah. Imam Syafie pernah mengamalkan qias seperti ini dengan mengatakan bahawa “jika seseorang pencuri itu menghulurkan tangan kiri sebagai ganti tangan kanannya yang akan dipotong, mengikut istihsan tangan kanan itu tidak dipotong”. (Prof Dr Ahmad Syalaby: 199)

Antara contoh-contoh lain istihsan ialah as-salam iaitu menjual sesuatu hasil bumi yang belum dituai secara tunai. Menurut qias, jual beli seperti ini tidak boleh dijalankan. Contoh lain pula ialah intisna' iaitu menempah membuat pakaian atau perabot dari seseorang pembuat atau penukangnya. Ini adalah satu perjanjian mengenai sesuatu yang tiada dan tidak dibenarkan mengikut syarak. Namun begitu, Istihsan membolehkan urusan seperti ini dilakukan kerana menurut kebiasaan.

v. Al-Masoleh Al-Mursalah

Masoleh mursalah bererti setiap yang tiada nas sama ada untuk diakui atau tidak diakui dan dalam pengakuannya boleh mendatangkan faedah atau menolak bahaya. Bezanya diantara istihsan ialah istihsan bererti penyimpangan dari qias yang tertentu, sementara masoleh mursalah pula ialah tidak terdapat sesuatu qias yang menghalalkannya kearah tertentu. Terdapat satu mazhab sahaja yang mengamalkan masoleh mursalah iaitu mazhab Maliki. Beliau telah mengenakan tiga syarat berhubung dengannya;

- Perkara tersebut tidaklah bertentangan dengan salah satu pokok-pokok syarak dan bukan daripada dalil-dalilnya.
- Perkara tersebut hendaklah mustahak bagi manusia, berfaedah kepada mereka atau menjauhkan sesuatu mudarat daripada mereka.
- Perkara tersebut hendaklah tidak menjejaskan ibadat-ibadat harian kerana sebagaimana yang telah disebutkan Abu Ishak As-Syatibi, ibadat tidak dapat difahami oleh akal secara terperinci.

Sesetengah ulama memasukkan kedalam masoleh mursalah perkara-perkara yang diterangkan oleh zahir nas. Tetapi jiwa Islam membayangkan perlunya nas tersebut ditakwilkan kerana telah diturunkan untuk satu keadaan tertentu. Antara contoh Masoleh Mursalah ialah larangan oleh Saiyidina Umar Al-Khattab untuk diberikan bahagian yang biasa diberikan kepada muallaf (saudara baru) ketika zaman Rasulullah SAW setelah keadaan Islam menjadi kuat serta kukuh dan beliau juga telah memberhentikan pelaksanaan hukuman potong tangan bagi kesalahan mencuri pada tahun berlakunya kebuluran serta telah mengekalkan tanah Iraq di tangan penduduknya.

2.4 Aliran Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah

Dalam istilah *Ahli Sunnah Waljamaah* kita dapati terdapat dua perkataan berbeza iaitu sunnah dan jamaah. Maksud dalam istilah ulama-ulama hadis ialah apa yang ditinggalkan oleh nabi dari segi ucapan, perbuatan, kelakuan peribadi, akhlak, dan riwayat baginda sama ada sebelum dan sesudah diangkat menjadi nabi. Berlainan pula dengan istilah ulama-ulama usul iaitu ucapan, perbuatan, dan penetapan Rasulullah SAW (Dr H. Aboebakar Acheh : ms 36). Jamaah dari segi bahasa pula dimaksudkan sebagai kumpulan yang terbanyak.

Tarikh kehadiran Ahli Sunnah Waljamaah tidak dapat ditentukan dengan tepat begitu juga yang telah memulakan dan memperkenalkan nama Ahli Sunnah Waljamaah. Ahli Sunnah Waljamaah juga berlainan dengan fiqrah Islamiyah yang lain seperti seperti Muktazilah Jabariah, Qadariah, Asyariah dan Maturidiah kerana kelahiran golongan ini ialah daripada perbezaan fahaman dan pendapat dalam mentaksirkan prinsip akidah Islam. Dikalangan golongan ini ada yang membuat pentaksiran bersifat falsafi terhadap isu-isu seperti Jabar, Ikhtiar, dan kedudukan orang yang melakukan dosa besar dan hukumnya, juga isu sama ada al-Quran itu makhluk (hadith) ataupun qadim. Golongan ini juga mempunyai metodologi tersendiri dalam memahami usul akidah Islam. (Abdul Syukor 1983:10). Maka Ahli Sunnah Waljamaah bukanlah satu organisasi atau pergerakan yang terancang dalam dunia pemikiran akidah Islam. Pada abad kelima hijrah al-Baghdadi telah menghuraikan tentang Ahli Sunnah Waljamaah. Huraian tersebut boleh disimpulkan seperti berikut:

>Ahli Sunnah Waljamaah terbahagi kepada lapan golongan mengikut perbezaan bidang dan disiplin ilmu yang dikuasai oleh setiap golongan.

>Dalam bidang akidah Ahli Sunnah Waljamaah, mereka benar-benar mendalami dan menguasai ilmu ketuhanan, kenabian, hari akhirat, kewibawaan memimpin dan berjihad dan mengisbatkan sifat-sifat Allah SWT seperti yang dilakukan oleh sebahagian ulama kalam.

>Mereka berpegang dengan Manhaj Ahli Salaf dalam memahami dan menangani isu akidah terutamanya dalam kemelut dan situasi gawat yang mencabar ketulenan akidah Islam.

>Kemunculannya adalah selepas generasi Ahli Salaf berbeza pendapat dalam mentafsirkan usul akidah Islam oleh itu kehadiran mereka dalam masyarakat adalah secara terancang. Tokoh utama golongan ini adalah Abu Hassan Asyaari dan Abu Mansur Maturidi (al-Baghdadi 1973, 313; al-Masri 138H, 15).

2.4.1 Ahli Sunnah dalam Perspektif Nusus

Perkataan Ahli Sunnah dalam bahasa Arab bererti pengikut atau pendokong Sunnah Rasulullah SAW. Perkataan Jamaah pula menunjukkan kepada Jamaah Rasul bersama sahabat, tabiin, tabi'in dan orang Islam yang mewarisi Islam menurut cara dan pendekatan mereka itu. Hakikat ini bertepatan dengan hadith nabi yang bermaksud

Hendaklah kamu berpegang dengan sunnah khulafa' Rasyidin yang mendapat petunjuk. Kamu gigitlah dengan geraham (berpeganglah bersungguh-sungguh).
(al-Tarmizi 1385 H)

Aku tinggal pada kamu dua perkara, kamu tidakakan sesat selama-lamanya, selagi kamu berpegang kepada kedua-duanya iaitu kitab Allah dan Sunnah Nabinya.
(al-Qastalani t.th, 889)

Seluruh umatku akan masuk syurga kecuali orang yang ingkar. Para sahabat bertanya: Siapa orang yang ingkar itu? Baginda menjawab : Siapa yang menurut perintahku dia masuk syurga dan siapa yang menolak suruhanku maka sesungguhnya dia ingkar.
(al-Bukhari t.th,249)

2.4.2 Mazhab Hanafi

2.4.2.1 Pengasas

Mazhab Hanafi diasaskan oleh Imam al A'Zham Abu Hanifah, Al-Nu'man bin Thabit bin Zuwata al-Kufi daripada keturunan Parsi yang merdeka. Dilahirkan pada tahun 80H dan telah meniggal dunia pada tahun 150H. Beliau hidup dalam dua zaman pemerintahan iaitu zaman pemerintahan Bani Umaiyah dan Bani Abassiyah. Beliau ialah generasi alta al-tabi'en. Ada pendapat mengatakan beliau dari golongan tabi'en. Beliau pernah bertemu Anas bin Malik dan beliau meriwayatkan darinya hadis yang bermaksud : "Menuntut ilmu adalh fardhu ke atas setiap muslim".

Imam Abu Hanifah adalah imam al-ra'yu dan ahli fiqah Iraq dan pengasas Mazhab Hanafi. Al-Syafie pernah berkata tentangnya bahawa "manusia adalah berhajat kepada al-Imam Abu Hanifah di bidang fiqah".Beliau pernah menjadi peniaga kain di Kufah. Al-Imam Abu Hanifah telah menuntut ilmu hadis dan fiqah daripada kebanyakan ulama yang terkenal. Beliau belajar ilmu fiqah selama 18 tahun daripada Hammad bin Abu Sulaiman yang mendapat pendidikan dari Ibrahim al-Nakhaie. Al-Imam Abu Hanifah sangat berhati-hati dalam menerima hadis. beliau menggunakan Qias dan Istihsan. Beliau telah menghasilkan sebuah kitab dalam bidang ilmu kalam, iaitu al-Fiqh al-Akbar. Dalam bidang hadis beliau menghasilkan al-Musnad. Walau bagaimanapun beliau tiada menghasilkan sebarang penulisan dalam bidang ilmu Fiqah.

2.4.2.2 Kaedah Pengambilan Hukum

Kaedah pengambilan hukum yang digunakan oleh Imam Hanafi ialah beliau akan lebih mengutamakan al-Quran dan Sunnah selepas itu beliau akan mengambil pendapat sahabat dan sekiranya masih tidak dijumpai, beliau akan beralih pula pada ijma' dan Qias. Kaedah terakhir yang akan digunakan sekiranya masih tiada penyelesaian ialah menggunakan Istihsan dan al-urf (kebiasaan). Kaedah-kaedah hukum dalam mazhab Hanafi boleh disimpulkan daripada ucapannya: “Aku mengambil daripada al-Quran bila aku mendapatinya. Bila aku tidak menjumpainya aku akan ambil dari sunnah Rasulullah SAW dan athar yang sahih yang ada pada orang-orang yang thiqah. Bila aku tidak mendapatinya pada al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW, aku mengambil pendapat sahabat Rasulullah SAW dimana aku mengambilnya dari sesiapa sahaja aku kehendaki, kemudian aku tidak akan tinggalkan pendapat itu untuk mengambil pendapat orang lain. Bila persoalannya sampai pada Ibrahim, Al-Syibi dan Ibnul Musayyab (dan menyebut beberapa orang lain), maka aku berijtihad sebagaimana mereka berijtihad”.

Pendapat Sahabat

Abu Hanifah sangat menghormati para sahabat dan menganggap pendapat mereka satu perkara yang wajib diikuti, lebih-lebih lagi dalam perkara yang mencapai kata sebulat suara dikalangan mereka. Dalam perkara-perkara yang dipertikaikan, beliau menggunakan fikirannya memilih suatu pandangan yang bersesuaian atau lebih hampir kepada dasar-dasar am dalam syariat ini. Bagaimanapun beliau tidak terkeluar dari pendapat itu.

Abu Hanifah menjelaskan bahawa kedudukan tabi'en adalah tidak setara berbanding para sahabat. Jadi beliau tidak menganggap pendapat tabi'en satu perkara yang mengikat orang-orang kemudian, malah meletakkan mereka setanding dengannya dalam urusan ijtihad. Beliau pernah ditanya kalau pendapatnya bertentangan dengan pendapat sahabat, jawabnya beliau akan meninggalkan pendapatnya dan beramal dengan pendapat sahabat. Tetapi kalau pertentangan itu adalah dengan para tabi'en, jawabannya kalau tabi'en itu lelaki aku juga lelaki. (Dr. Kassim Salleh 1989)

Istihsan

Al-istihsan bermaksud meninggalkan qias jaliy yang nyata dan beramal dengan qias khafiy yang tersembunyi. Abu Hanifah banyak menggunakan istihsan dalam mengeluarkan hukum-hukum fiqhnya. Tindakannya itu banyak menimbulkan tentangan dan kecaman dari para mujtahid lain sehinggakan Imam Syafie pernah berkata “ sesiapa yang beristihsan maka dia mengadakan syariat baru”. Selain itu Hafizuddin al-Nasafiy menceritakan kecaman-kecaman yang dilontarkan kepada mazhab Hanafi, mereka menyatakan istihsan ialah mengenakan hukum melalui hawa nafsu semata-mata kerana perkataannya mengertikan begitu, seolah-olah kita semua meninggalkan qias dan menggunakan istihsan. Ini bererti mengabaikan qias yang diterima sebagai hujah dalam syarak dan beramal dengan sesuatu yang bukan hujah dan mengikut hawa nafsu iaitu membelakangkan hujah syarak yang sebenarnya, dan sesuatu yang melebihi kebenaran ertinya kesesatan.

Walau bagaimanapun, Abu Hanifah telah bersedia dengan jawapan kepada kecaman-kecaman yang dilemparkan oleh para penentangannya, beliau berkata: “Istihsan mencari ‘al-Ahsan’ (yang lebih baik) kerana perkara itu dianjurkan dalam al-Quran dalam ayat yang bermaksud *sampaikan berita gembira kepada hambaku yang mendengarkan perkataan lalu mengikuti apa yang paling baik diantaranya*”. Maksud dari segi sebutan itu adalah sekadar untuk membezakan hukum asal yang dilahirkan oleh qias secara zahir dengan hukum yang dilencongkan daripada hukum zahir. Ini adalah kerana terdapatnya dalil yang mengharuskan lencongan tersebut. Hukum zahir yang pertama disebut qias dan hukum lencongan kedua dipanggil istihsan.

Al-Urf (Kebiasaan)

Al-Urf bermaksud berpegang dengan urusan yang sedia ada dikalangan orang Islam tanpa bertentangan dengan nas dari al-Quran., sunnah, ijmak, qias atau istihsan. Abu Hanifah menjadikan uruf sebagai sumber ijtihad fiqahnya kerana Ibnu Mas’ud pernah menyebut “sesuatu yang dipandang baik oleh orang-orang Islam, maka perkara tersebut adalah baik disisi Allah SWT” dan terdapat juga kata-kata ulama kemudian yang menyokong perkara tersebut. Perkara-perkara yang ditetapkan oleh uruf seolah-olah ditetapkan oleh nas. Hal ini diperhatikan dalam perkara-perkara yang tidak ada nas. Uruf itu berubah mengikut perubahan masa dan tempat, oleh itu seseorang mujtahid sewajarnya mengetahui uruf setempat dan mendalaminya agar dapat mengeluarkan hukum-hukum yang tidak bercanggah dengan uruf sebuah negeri dalam sesuatu ketika.

2.4.3 Mazhab Maliki

2.4.3.1 Pengasas

Imam Malik bin Anas bin Abu Amir al-Asbahi ialah pengasas mazhab ini dan beliau juga merupakan seorang imam fiqah dan Hadis Darul Hijrah (Madinah) selepas zaman tabi’en. Beliau dilahirkan pada zaman al-Walid bin Abdul Malik dan meninggal di Madinah pada zaman pemerintahan al-Rasyid. Imam Abu Hanifah hidup dalam dua zaman pemerintahan Islam iaitu zaman pemerintahan Bani Umayyah dan Bani Abasiyyah. Negara Islam telah berkembang luas dalam kedua-dua masa pemerintahan ini. Sehingga ke Lautan Atlantik di Barat dan ke negeri China di timur. Selain itu, Islam juga telah tersebar ke tengah-tengah Benua Eropah sebaik sahaja Negara Sepanyol dibuka.

Imam Malik telah menuntut kebanyakan ilmunya dari ulama-ulama Madinah. Antaranya ialah Abdul Rahman bin Hurmuz. Imam Malik telah menuntut ilmu dengannya untuk satu tempoh masa yang agak lama. Beliau juga telah menerima hadis-hadis daripada ramai ulama hadis antaranya seperti Nafi’ bekas hamba, Ibnu Umar dan Ibnu Syihab al-Zuhri. Guru beliau dalam bidang fiqah pula ialah Rabi’ah bin Badul Rahman yang terkenal dengan kitab Rabi’ah al-Ra’yi. Imam Malik merupakan seseorang tokoh dalam bidang hadis dan fiqah. Kitab beliau al-Muwatta’ merupakan penyumbang besar dalam bidang hadis dan fiqah. Imam As-Syafie telah berkata, ”Malik adalah guru saya, saya menuntut ilmu darinya”. Beliau adalah hujah diantara saya dengan Allah SWT. tidak ada seorang pun yang berjasa kepada saya lebih daripada Malik. Jika dia menyebut nama ulama, maka Maliklah yang paling bersinar.

2.4.3.2 Kaedah Pengambilan Hukum

Kaedah pertama yang dilaksanakan oleh Imam Malik dalam menyimpulkan sesuatu hukum ialah daripada al-Quran dan Assunnah. Jika tidak didapati dari kedua-dua sumber hukum utama ini maka beliau akan beralih pula dengan kaedah Ijma' serta Qias dan kemudiannya beliau akan menggunakan pula kaedah Masoleh Mursalah amalan penduduk yang akan dijelaskan lebih terperinci kemudian. Cara Imam Malik mengambil hukum-hukum telah diterangkan oleh Qadhi Iyad seperti berikut : “ Malik sentiasan mengutamakan al-Quran dalam menyusun dalil-dalilnya dengan terang. Beliau mengutamakan nas-nasnya, kemudian zahirnya, kemudian pengertiannya yang difahami darinya. Kemudian beliau akan beralih pula kepada Assunnah dengan mendahulukan yang mutawatir, kemudian yang mashur, dan kemudiannya yang ahad, kemudiannya mengikut susunan-susunan nasnya zahirnya dan pengertian-pengertian yang difahami darinya. Kemudian beliau akan beralih pula kepada Ijma'. Apabila semua sumber pokok ini tidak ada maka barulah beliau menggunakan qias serta menyimpulkan hukum-hukum daripadanya”.

Amalan Penduduk Madinah

Imam Malik sahaja yang memberi penilaian istimewa kepada amalan penduduk Madinah diantara keempat-empat imam lain dan menganggapnya satu sumber ijthihad yang boleh diketengahkan sebagai satu hujah. Tindakannya ini kurang mengundang kecaman dari para mujtahid lain.

Imam Syafie memperkatakan tentang amalan penduduk Madinah dalam kitab utamanya al-umm. Secara ringkasnya beliau menyatakan faktor tempat tinggal bukanlah penyebab kepada terpelihara daripada dosa. Memang sudah diperakui bahawa sahabat-sahabat yang tinggal di Madinah adalah merupakan mereka-mereka yang terbilang dan tiada seorang daripada mereka meninggalkan kota Madinah, sebelum berlakunya kekacauan selepas pembunuhan khalifah yang ketiga iaitu Saidina Othman al-Affan. Sahabat-sahabat ini adalah mereka yang pernah menyaksikan penurunan al-Quran. Mereka juga merupakan diantara orang pertama yang memeluk agama Islam ini dan kepada mereka ditujukan segala perintahnya. Selepas itu, giliran tabi'en yang mengikuti jejak langkah mereka kemudian. Dengan itu kota Madinah adalah merupakan kota warisan ilmu sunnah dan fiqah Islam dimana segala amalan dan tindak tanduk Madinah melambangkan amalan yang diwarisi sejak dahulu zaman Rasulullah SAW. Mereka yang mewarisi pusaka yang tidak ternilai ini tidak seharusnya melakukan sesuatu yang bersalahan dengan keadaan sebelumnya yakni ketika zaman Rasulullah dan sahabatnya.

Mazhab Maliki membahagikan amalan penduduk Madinah kepada dua bahagian :

1. Suatu perkara yang diijma'kan oleh penduduk Madinah tanpa bantahan dari orang lain. Dimana Ijma' yang dimaksudkan iaitu dipindahkan dari Rasulullah SAW ijma' tersebut menjadi hujah yang mengatasi Qias dan khabar wahid, Ijma' tersebut berlaku dalam empat perkara.

>Perkara yang dipindahkan secara ijma' dalam bentuk kata-kata Rasulullah SAW seperti azan, iqamah dan tidak menyaringkan bacaan bismillah ketika sembahyang

- Perkara yang dipindahkan secara ijma' mengenai perbuatan seperti sembahyang, bilangan rakaatnya dan lain-lain.
 - Perkara-perkara yang dipindahkan secara ijma' mengenai pengakuan-pengakuan Rasulullah SAW terhadap sahabatnya tanpa bantahan dari Rasulullah SAW sendiri.
 - Perkara yang dipindahkan secara ijma' bahawa Rasulullah tidak mengenakan hukum tertentu, sedangkan perkara tersebut merupakan lumrah bagi mereka, seperti tidak mengenakan zakat sayuran dan pelbagai jenis buahan, walaupun benda-benda tersebut banyak dan mudah didapati.
2. Ijma' yang berlaku dalam perkara-perkara ijtihad, disini terdapat tiga pendapat Mazhab Maliki
- Ianya menjadi hujah walaupun tidak diharamkan bantahannya sebagaimana diharamkan bantahan pada ijma' yang dipindahkan daripada Rasulullah SAW.
 - Sekalipun tidak dianggap sebagai hujah, tetapi ijtihad mereka adalah mengatasi ijtihad orang lain.
 - Tidak dikira sebagai hujah dan tidak boleh digunakan untuk pemberatan mana-mana ijtihad, dan bukannya dari Mazhab Maliki

Al-Masoleh Mursalah

Masoleh mursalah bermaksud kepentingan yang dinyatakan nasnya dalam syarak sama ada diberi penilaian atau tidak, tetapi dengan diberi penilaian padanya akan mendatangkan kebaikan dan menolak keburukan. Imam Malik adalah merupakan perintis penggunaan al-masoleh mursalah kerana keyakinannya bahawa syariat ini mengandungi kepentingan untuk manusia, tetapi hendaklah memenuhi beberapa syarat:

- Bersesuaian dengan matlamat syarak yang mana tidak bercanggah dengan dalil syarak yang lain.
- Perkara itu boleh diterima akal, iaitu boleh diambil kira dalam lingkungan yang munasabah.
- Beramal dengannya menjamin kawalan terhadap perkara “daruriy” (pasti dalam urusan agama) atau sekurang-kurangnya boleh mengelakkan keburukkan berpandukan ayat yang bermaksud ayat yang bermaksud: *“tidak sesekali dijadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan”*.

Sebagai contoh, bertindak membunuh balas sekumpulan ramai kerana mereka membunuh seseorang. Kes sebegini tidak mempunyai dalil tertentu, kerana hukum qisas dalam al-Quran menentukan seorang dengan seorang. Tetapi Imam Malik dapati kalau tidak bertindak membunuh balas kumpulan itu akan menimbulkan kekacauan yang lebih, dan membunuh seseorang mendatangkan kepentingan, iaitu mengawal jiwa lain yang lebih banyak, dengan itu

terjalinalah matlamat syarak yang bertujuan menyelamatkan manusia dari tumpah darah, begitu juga menyarankan supaya dipotong tangan pencuri setelah sampai kadar curian satu nisab. (Dr. Kassim Salleh 1989)

2.4.4 Mazhab Syafie

2.4.4.1 Pengasas

Mazhab ini diasaskan oleh Al-Imam Abu Abdullah, Muhammad bin Idris al-Qurasyi al-Hasyimi al-Muttalibi bin al-Abbas bin Othman bin Syafie, (rahimahullah) bercantum nasabnya dengan Rasulullah SAW pada datuknya Abdul Manaf. Beliau dilahirkan di Ghazzah Palestin pada tahun 150H, iaitu pada tahun wafatnya Abu Hanifah dan wafat di Mesir pada tahun 204H. Selepas kematian ayahnya pada usianya seawal dua tahun, ibunya telah membawanya ke Makkah, kemudian kembali ke kampung halaman asal keluarganya. Imam Syafie diasuh dan dibesarkan dalam keadaan anak yatim. Beliau telah menghafal al-Quran sejak kecil lagi. Beliau pernah tinggal bersama kabilah Hudhail di al-Badiyah, satu kabilah yang terkenal dengan kefasihan bahasa Arabnya. Imam as-Syafie banyak mempelajari dan menghafal syair mereka. Imam Syafie adalah tokoh bahasa dan sastera Arab. Al-Asmai pernah berkata bahawa syair Hudhail telah diperbaiki oleh seorang pemuda Quraisy bernama Muhammad bin Idris. Ini jelas menunjukkan bahawa beliau adalah imam dalam bidang Bahasa Arab dan memainkan peranan penting dalam perkembangannya.

Imam as-Syafie telah belajar di Makkah daripada muftinya, Muslim bin Khalid al-Zinji sehingga beliau mengizinkan Imam Syafie untuk memberikan fatwa. Pada masa itu Imam Syafie hanya berumur kira-kira 15 tahun. Selepas itu, beliau pergi ke Madinah. Disana beliau menjadi anak murid kepada Imam Malik bin Anas. Beliau menghafal dan mendalami kitab al-Muwatta' dalam masa sembilan malam sahaja. Beliau juga meriwayatkan Hadis daripada Sufian bin Unaiyah, Fudayl bin Iyad dan bapa saudaranya Muhammad bin Syafie serta lain-lain.

Imam Syafie telah pergi ke Yaman dan bertugas di sana, kemudian ke Baghdad sebanyak dua kali iaitu pada tahun 182H dan 195H. Beliau juga telah mempelajari kitab fuqaha' Iraq daripada Muhammad bin Hassan. Beliau juga telah mengadakan perbincangan dan pertukaran pendapat dengan Muhammad bin Hassan. Hal ini telah menggembirakan al-Rasyid.

Imam Ahmad bin Hanbal telah bertemu dengan Imam Syafie di Makkah pada tahun 187H dan di Baghdad pada tahun 195H. Beliau mengajar Imam Ahmad ilmu fiqah dan usul fiqah serta ilmu nasikh dan mansukh al-Quran. Di Baghdad, Imam Syafie telah mengarang kitab Qadim berpindah ke Mesir pada tahun 200H. Di sana lahirlah Mazhab Syafie. Beliau telah wafat di Mesir dalam keadaan syahid kerana ilmu selepas Asar pada hari yang sama.

Di antara hasil karya beliau ialah al-Risalah yang merupakan penulisan pertamanya dalam bidang ilmu usul fiqah dan kitab al-umm di bidang fiqah berdasarkan mazhab jadinya. Imam As-Syafie adalah seorang mujtahid yang mutlak. Beliau merupakan imam dalam bidang fiqah, Hadis dan usul. Beliau telah berjaya mencantumkan ilmu fiqah ulama hijaz dengan ulama Iraq. Imam Ahmad pernah menyebut bahawa Imam Syafie adalah orang paling alim

berhubung dengan kitab Allah SWT dan sunnah Rasulullah SAW. Beliau juga pernah berkata, “tiada sesiapaupun yang memegang ditangannya tinta dan pena, melainkan terhutang budi kepada Imam al-Syafie”. Tash Kubra Zadah , dalam kitabnya Miftah al-Saadah menyebut, “ulama daripada kalangan ahli fiqah, usul, hadis, bahasa, tata. taqwa, pemurah, elok tingkah laku dan tinggi budi pekerti yang wujud dalam diri Imam Syafie biarlah banyak pujian yang diberikan, namun ia tetap tidak memadai”.

Ulama yang meriwayatkan kitab lamanya al-Hujjah ialah empat orang daripada kalangan orangIraq yang mrenjadi muridnya, iaitu Ahmad bin Sulaiman al-Muzani, al-Za’farani dan al-Karabisi. Riwayat yang paling baik ialah riwayat al-Za’farani.

Mazhab baru Imam as-Syafie pula telah diriwayatkan dalam al-umm oleh empat orang muridnya daripada kalangan Mesir. Mereka ialah al-Muzani, al-Buwaiti,al-Rabi’ al Jizi dan al Rabi’ bin Sulaiman al-Muradi dan lain-lain. Fatwa yang terpakai dalam mazhab Syafie ialah qaul jadidnya dan bukan qaul qadimnya, kerana Imam Syafie telah menarik balik dengan berkata “aku tidak membenarkan orang meriwayatkannya daripada aku”. Hanya dalam beberapa masalah sahaja iaitu sebanyak lebih kurang 17 masalah difatwakan berdasarkan qaul qadim melainkan ia adalah Mazhab Syafie. Diriwayatkan bahawa Syafie berkata , “Jika sah suatu hadis, maka itulah mazhabku, oleh itu tinggalkanlah pendapatku”.Imam Syafie mempunyai pengikut dan murid yang ramai di Hijaz, Iraq, Mesir dan Negara-negara Islam yang lain.

2.4.4.2 Kaedah Pengambilan Hukum

Sumber Mazhab Imam Syafie ialah al-Quran dan sunnah. kemudiannya diikuti pula oleh ijma’dan qias. Beliau tidak mengambil pendapat sahabat kerana ia merupakan ijtihad yang berkemungkinan salah. Beliau juga tidak beramal dengan istihsan yang diterima dalam mazhab Hanafi dan Maliki. Dalam hal ini, beliau pernah berkata “sesiapa yang melakukan istihsan bererti membuat syariat sendiri”. Beliau juga telah menolak masoleh mursalah dan tidak bersetuju menjadikan amal ahlul Madinah (perbuatan penduduk Madinah) sebagai hujah. Ahli Baghdad telah menyifatkan Imam Syafie sebagai Nasir Sunnah (penyokong sunnah).

2.4.5 Mazhab Hanbali

2.4.5.1 Pengasas

Mazhab Hambali ini mengambil nama sempena nama pengasasnya iaitu Imam Abu Abdullah, Ahmad bin Hanbal bin Hilal bin Asad al-Zuhaili al-Shaibani. Beliau telah dilahirkan dan dibesarkan di Baghdad dan beliau juga telah wafat di sana pada bulan Rabiulawal. Beliau telah mengembara untuk menuntut ilmu di beberapa bandar seperti Kufah, Basrah, Makkah, Madinah, Yaman, al-Sham dan al-Jazirah. Imam Ahmad telah mempelajari ilmu fiqah dari Imam Syafie ketika di Baghdad. Akhirnya Imam Ahmad menjadi seorang mujtahid mustaqil. Bilangan gurunya melebihi seratus orang. Beliau berusaha mengumpul sunnah dan menghafaznya hinggalah beliau terkenal sebagai Imam al-Muhaddithin pada zamannya kerana ini adalah berkat kelebihan gurunya, Hasyim bin Bashir bin Abu Khazim al-Bukhari al-Asl (104-183H)

Beliau merupakan imam dalam bidang Hadis, Sunnah dan fiqah. Ibrahim al-Harbi berkata, “aku telah melihat Ahmad seolah-olah Allah SWT telah menghimpunkan padanya ilmu para ulama yang terdahulu dan yang kemudian”. Imam Syafie pula berkata semasa beliau meninggalkan Baghdad menuju ke Mesir, “aku keluar dari Baghdad dan tidak meninggalkan orang yang lebih taqwa dan alim dalam bidang fiqah selain Ibnu Hanbal”.

Imam Ahmad telah banyak menerima dugaan dan cabaran. Beliau telah dipukul dan dikurung kerana fitnah mengenai pendapat bahawa al-Quran adalah ciptaan terbaru pada zaman al-ma'mum, al-Mu'tasim dan al-Wathiq. Beliau telah bersabar seperti sabarnya para nabi. Ibnu al-Madini telah berkata, “sesungguhnya Allah SWT telah memuliakan Islam dengan dua orang lelaki, Abu Bakar pada hari orang Arab menjadi murtad dan Ibnu Hanbal pada hari fitnah”. Bishar al-Hafi pula berkata, “sesungguhnya Ahmad telah berdiri di tempat berdirinya para nabi”. Dasar mazhabnya berdasarkan perkataan, perbuatan, jawapan-jawapan dan sebagainya. Beliau telah menghasilkan al-Musnad dalam Hadis, yang mengandungi lebih 40 000 Hadis. Beliau mempunyai kekuatan menghafaz yang amat kuat. Beliau beramal dengan Hadis Mursal (hadis yang terjatuh nama sahabat dalam sanadnya), dan Hadis Daif yang boleh meningkat ke darjat Hadis Hasan tetapi beliau tidak beramal dengan hadis Batil dan Mungkar. Beliau lebih mengutamakan hadis Mursal dan Daif berbanding Qias.

Selepas itu, lahirlah Ahmad bin Muhammad bin Harun, Abu Bakar al-Khallal (wafat pada 311H). Beliau telah mengumpulkan fiqah Imam Ahmad melalui para sahabatnya, hinggalah beliau terkenal sebagai pengumpul fiqah Hambali, atau pemindah ataupun periwayatnya. Al-Khallal telah bersama Abu Bakar al-Marwadhi hingga wafatnya. Adalah jelas bahawa beliau yang menggalakkan al-Khallal ini oleh dua orang yang masyhur.

2.4.5.2 Kaedah Pengambilan Hukum

Imam Ahmad bin Hanbal sebagaimana imam-imam yang lain meletakkan al-Quran dan Assunnah sebagai sumber utama dalam perundangan Islam. Beliau juga beramal dengan Ijma' dan qias, kalau terdapat nas yang nyata dalam al-Quran dan hadis mutawatir, tidak harus berpegang kepada sumber-sumber lain seperti pendapat sahabat atau qias, tetapi terdapat juga perbezaan antara beliau dan imam-imam mujtahid yang lain dalam menyimpulkan sesuatu hukum seperti penggunaan Istishab dan Sad al-Zara'e.

Al-Istishab

Istishab bermaksud berpegang dengan suatu keadaan dimasa lalu, bahawa keadaan tersebut tidak pernah berubah pada masa sekarang atau masa akan datang sehingga adanya dalil bahawa keadaan itu berubah-ubah. Sebagai contohnya seseorang yang membeli sebuah rumah atau mewarisinya, dan meminta anda bersaksi berhubung dengan hak milik itu, oleh itu hak milik rumah itu akan berkekal dan boleh disaksikan lagi kalau diminta, berpandukan miliknya yang dahulu kecualilah kalau ada bukti-bukti atau dalil bahawa miliknya telah terhapus. (Dr Kassim Salleh 1989)

Istishab yang dinyatakan seperti di atas bererti jangkaan berat berkekalannya sesuatu berdasarkan adanya sesuatu pada waktu sebelumnya, Hinggalah timbul dalil yang

menunjukkan sesuatu itu terhapus jangkaan berat itu adalah dikira hujah bagi Imam Ahmad dan mujtahid-mujtahid lain dan diterima sebagai sumber ijihad dalam kadar yang berbeza dikalangan mereka. Tetapi Imam Ahmad menggunakan dalam skop yang agak luas kerana beliau kurang bergantung kepada qias.

Sad al-Zara'e

Imam Ahmad adalah diantara imam –imam mazhab yang paling kuat berpegang kepada sad al-Zara'e dalam memutuskan sesuatu hukum. Zaraie bermaksud perantaraan untuk mencapai sesuatu tujuan atau matlamat itu tidak tercapai kecuali dengan sebab-sebab atau jalan yang menyampaikan kepadanya maka sebab dan jalan boleh dianggapkan ekoran kepada matlamat itu.

Perantaraan kepada perkara-perkara haram atau maksiat sama ada dihukumkan makruh atau dilarang sama sekali, ia dilihat sejauh mana kaitannya dengan tujuan dan matlamat tadi. Begitu juga perantaraan kepada perkara-perkara taat atau kebaikan untuk dijatuhkan hukuman sama ada dikekalkan atau diberi keizinan, ini juga perlu ditinjau kepada tujuan yang sebenarnya. Perantaraan kepada sesuatu matlamat adalah ikutan kepada matlamat itu, jadi kedua-duanya diambil kira. Dalam Islam sendiri menegaskan bahawa “matlamat tidak menghalalkan cara”. Allah SWT mengharamkan sesuatu itu ada jalan-jalan untuk dicapai, maka Allah SWT mengharamkan juga jalan-jalan untuk tujuan tersebut. Kalau jalan-jalan tersebut diharuskan, maka ini dikira sebagai merombak hukum haram tadi. Tetapi perkara sebegini tidak mungkin berlaku. Jikalau sememangnya diketahui sesuatu itu haram, maka Allah SWT dan rasulNya melarang segala perantaraan kepada perkara haram itu. (Dr Kassim Salleh 1989)

2.5 Kesatuan Umat Islam

Perkataan *ummah* digunakan dalam al-Quran menurut beberapa pengertian (Mahmoud M Ayoub, 1996:250). Namun penggunaan istilah *umat* atau *ummah* secara umum diertikan dengan masyarakat (Abdul Qadir Djaelani, 2001:459). Istilah ini dijumpai didalam firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya' ayat 92 yang bermaksud;

“Sesungguhnya umat kamu ini adalah umat yang satu dan Aku adalah Tuhan kamu, maka mengabdilah kepadaKu”.

Kadangkala, ia digunakan untuk seluruh manusia (Mahmoud M. Ayoub, 1996: 250). Seperti firman Allah SAW dalam surah al-Baqarah:213) Ertinya “ *Manusia itu adalah umat yang satu*”. Perkataan umat berasal dari akar kata ‘amm’ yang bermakna jalan dan maksud (Abdul Qadir Djaelani, 2001: 460). Dengan demikian, umat ialah satu masyarakat dimana jumlah perseorangannya yang mempunyai keyakinan dan tujuan yang sama, menghimpun diri secara harmonis dengan maksud untuk bergerak maju ke arah tujuan yang sama.

Ungkapan-ungkapan lain yang dimaksudkan ialah untuk mengelompokkan manusia atau masyarakat umumnya adalah sama, menggunakan kriteria hubungan darah, tanah, atau pembahagian kesejahteraan material. Tetapi dengan memilih kata ‘umat’ Islam telah

mengariskan tanggung jawab intelektual serta gerakan bersama sebagai landasan filsafat sosialnya (Ali Syariati, 1982 *dalam* Abdul Qadir Djaelani, 2001; 460).

Jadi umat Islam atau masyarakat Islam adalah umat yang menjadikan Islam sebagai sumber hukumnya dalam mengatur segala tingkah laku, sama ada sikap mahupun perbuatannya, dalam hubungannya dengan dirinya sendiri, keluarganya, jirannya dan masyarakat bahkan dalam mengatur hubungan dengan musuh-musuhnya. (Abdul Qadir Audah, 1965 *dalam* Abdul Qadir Djaelani, 2001; 462). Secara ringkasnya umat Islam adalah sekelompok masyarakat yang didirikan atas dasar ikatan akidah sahaja, bukan berpandukan kepada bangsa, ikatan keturunan, warna kulit, tanah air, bahasa atau kepentingan-kepentingan yang lain. (Sayid Qutb, 1980 *dalam* Abdul Qadir Djaelani, 2001; 462)

Syariat Islam dan ajaran-ajaran kemasyarakatannya memandang individu sebagai bahagian yang tidak terpisahkan dari umat seluruhnya, ibarat anggota badan yang tidak terpisahkan sama sekali dari tubuh manusia (Muhammad al-Ghazali, 1991; 334). Intergrasi, *wahdah* dan *wahidah* ertinya ialah satu kesatuan yang utuh, tidak berpecah belah dan bercerai berai (Shalahuddin Sanusi 1987; 11). Intergrasi meliputi saling melengkapi anggota kesatuan itu. (Shahuddin Sanusi, 1987: 11). Intergrasi umat Islam, kesatuan umat Islam yang teguh dan utuh itu merupakan suatu ketentuan dari Allah SWT yang difirmankan dalam surah al-Mukminun;52 bermaksud; “*Sesungguhnya ini adalah umatku, umat yang satu*”.

Kesatuan umat Islam itu digambarkan sebagai satu kesatuan tubuh atau bangunan, yang mana apabila satu bahagian tubuh atau bangunan itu rosak atau cacat maka akan menyebabkan badan atau tubuh menjadi lemah dan bangunan pula rosak dan roboh. Sabda Rasulullah SAW;

“Perumpamaan orang-orang mukmin itu dalam cinta-mencintai, kasih-mengasihinya dalam santun-menyantunnya, tak ubahbagaikan satu tubuh, yang apabila menderit satu anggota dari tubuh itu, ikut menderita pula keseluruhan tubuh dengan tidak dapat tidur dan demam” (Hadis Riwayat Imam Muslim)

“Orang mukmin terhadap orang mukmin, tak ubahnya bagaikan satu bangunan yang bahagian-bahagiannya saling kuat menguatkan” (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Kedudukan individu sebagai bahagian tidak dapat dipisahkan dari masyarakat atau umat, sangat jelas ditegaskan oleh turunnya wahyu Ilahi (Muhammad al-Ghazali, 1991;334). Semua petunjuk dan ajaran Allah SWT ditujukan kepada segenap anggota masyarakat dan umat manusia. Dari ajaran dan petunjuk yang mencakup semua anggota masyarakat dan umat itulah berkewajiban melaksanakan. Demikian cara yang dianjurkan oleh al-Qurandan sunnah dalam menetapkan hukum-hukum syariat (Muhammad al-Ghazali, 1991; 334). Seperti contoh firman Allah SWT dalam surah al-Haji ayat 77-78 yang bermaksud;

“Hai orang-orang yang beriman, ruku’ dan sujudlah kamu, sembahlah tuhan kamu dan berbuatlah kebajikan, agar kamu mendapat keuntungan. Dan hendaklah kamu berjuang di jalan Allah dengan perjuangan yang sebenar-benarnya”.

Allah SWT tidak menciptakan manusia untuk bercerai-berai dan bertengkar antara satu sama lain. Bagi segenap umat manusia, Allah SWT telah menetapkan agama yang satu dan

sama, dan kepada mereka juga telah diutus beberapa orang nabi dan rasul secara berturut-turut untuk mengajak seluruh manusia ke jalan yang satu. Manusia dilarang bertengkar mengenai agama dan berpecah belah kerana agama. Akan tetapi nafsu jahat membuat manusia lupa kepada wasiat yang mulia dan ingkar kepada pusaka Ilahi yang amat penting itu. (Muhd. al-Ghazali, 1991 :335)

Ayat-ayat dan hadis-hadis yang mencela pepecahan dan menyeru kepada perpaduan amatlah banyak. Para salafus shalih rahimahumullah telah memikirkan tentang sesuatu yang telah berjaya menyatukan kaum muslimin pada awal Islam. Mereka mengetahui bahawa umat Islam ini tidak akan bersatu setelah bercerai-berai kecuali dengan sesuatu yang dengannya mereka dahulu bersatu (Muhammad AW al-‘Aqil, 2002;61)

Perselisihan faham dan perbezaan pendapat bukanlah sesuatu yang pelik dalam kehidupan ini, akan tetapi itu bukanlah alasan untuk berpecah belah dan memutuskan hubungan persaudaraan. Pepecahan terjadi kerana adanya faktor-faktor lain yang mendorong perbezaan fahaman dan perselisihan pendapat untuk mencapai kepentingan hawa nafsu yang tersembunyi. Oleh itu, hakikat pepecahan harus dikaji, yakni dengan memeriksa faktor-faktor jahat yang mendorongnya dan bukan ilmu pengetahuannya itu sendiri. (Muhammad al-Ghazali, 1991 ; 338)

Selaras dengan ajaran Islam mengenai keperluan menjaga keharmonian umat dari implikasi pepecahan , para ulama mengfatwakan bahawa usaha menghapuskan kemungkaran tidak harus dilakukan bila mengakibatkan timbulnya kerosakkan yang lebih besar. Tetap adanya kemungkaran memang sesuatu yang merbahaya, tetapi terjadinya kerosakkan yang lebih besar jauh lebih merbahaya. Oleh kerana itu, lebih baik mengambil langkah yang tidak menyebabkan kerosakkan yang lebih besar. (Muhammad al-Ghazali, 1991; 334). Ulama-ulama salaf sering membuat perkara yang kurang afdal dan meninggalkan perkara yang afdal kerana ingin menjaga perpaduan dan keluar dari perselisihan faham. Kadangkala mereka meniggalkan perkara sunat dalam pandangan mereka dan melakukan perkara yang harus demi mamelihara ukhwah tadi. (Thaha Jabir Fayyadh al-Alwani, 1989; 159)

Sejak mula-mula timbulnya pepecahan dikalangan umat Islam, sejak mula kesatuan umat tergugat oleh timbulnya perselisihan faham dikalangan umat Islam , iaitu semasa zaman peralihan Khulafa’ ar-Rasyidin dan daulat Bani Umaiyah, masalah intergrasi atau kesatuan umat Islam telah menjadi masalah yang paling pokok dikalangan umat Islam (Shalahuddin Sanusi, 1987; 2). Sebab intergrasi umat berhubung dengan keutuhan masyarakat dan bersangkutan paut dengan kesatuan perjuangan Islam yang menentukan menang kalahnya perjuangan, dan padanya bergantung kebesaran, keagungan dan kejayaan umat. Bahkan lebih daripada itu bahawa pelaksanaan keseluruhan ajaran-ajaran Islam dan pencapaian cita-cita dan tujuannya, hanyalah dapat dilaksanakan oleh masyarakat yang bersatu padu, masyarakat yang *ummatan wahidah* (Shalahuddin Sanusi, 1987; 2)

Contoh masyarakat ideal seperti ini telah dapat diwujudkan pada zaman Rasulullah dan Khulafa’ ar-Rasyidin, dengan bersatu padunya umat Islam dalam segenap aspek kehidupan , sehingga ajaran Islam dapat dilaksanakan dengan sempurna. Kehidupan umat Islam adalah dalam suasana kasih sayang, persamaan , persaudaraan dan tolong-menolong, bebas daripada kezaliman, ketidakadilan, pemerasan dan penindasan. Keutuhan kesatuannya telah

menimbulkan gelombang kekuatan yang maha dasyat dan tidak dapat dibendung oleh kekuatan mana-mana pihak sekalipun sehingga dapat menumbangkan kedua kuasa besar iaitu Rom dan Parsi.(Shalahuddin Sanusi, 1987; 2)

2.6 Kesatuan Tauhid

Tauhid adalah sendi utama yang mempersatukan umat Islam. Tanpa tauhid, tidak akan tercapai persatuan dan ukhwhah islamiyah dalam erti yang sebenarnya. Oleh itu dakwah pertama atau yang pertama disampaikan oleh para nabi dan rasul-rasul adalah mengajak kepada tauhid iaitu menghambakan diri dan beribadah hanya semata-mata kerana Allah SWT selama 13 tahun, ikhlas hanya kepada Allah SWT tanpa sebarang keraguan. Nabi Muhammad SAW selama 13 tahun di Makkah sebahagian besar lebih menekankan dakwah tauhid kepada umat.

Dalam perintergrasian atau kesatuan umat Islam, tauhidlah merupakan pokoknya yang paling utama, merupakan kaedahnya yang pertama (Shalahuddin Sanusi, 1987). Hal ini kerana dengan tauhidlah dapat mewujudkan *wahdatul ummah*, kesatuan umat Islam yang tidak berpecah-belah dan bercerai-berai, bagaikan satu kesatuan tubuh dimana anggota-anggotanya merupakan bahagiannya yang bersatu-padu.

Islam adalah agama tauhid, iaitu pengesahan dan pengakuan diri bahawa hanya Allah SAW yang berhak dan wajib disenbah, dan menafikan segala sesuatu yang selain dari Allah dalam beribadat. Ini bukan sahaja setakat menyembah dalam bentuk solat atau lain-lain ibadah yang biasa dilakukan semata-mata, tetapi juga kepatuhan dan komitmen untuk mengikuti hanya kepada Allah SWT sahaja.(Mahmoud M Ayoub, 1996;23). Al-Quran mendakwa sikap orang-orang yahudi dan kaum lain yang telah diberi kitab. Firman Allah dalam surah at-Taubah ayat 31 bermaksud; “*Mereka menjadikan orang-orang alim dan rahib-rahib mereka sebagai tuhan selain daripada Allah SWT*”

Diriwayatkan bahawa umat Islam membantah dengan mengatakan bahawa orang-orang Yahudi dan orang-orang yang telah diberi kitab itu tidak menyembah rahib dan orang-orang alim. lalu nabi menjawab, “ sekiranya mereka mendengar dan taat kepada rahib-rahib dan orang-orang alim dikalangan mereka itu, bermakna mereka telah menyembahnya”.

Kunci utama kejayaan umat Islam dan kesatuan umat Islam hanya akan dicapai apabila umat Islam memiliki jiwa tauhid yang kukuh dan benar sebagaimana yang difahami dan diamalkan pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat yang mulia. Kerana tauhidlah yang dapat mempersatukan hati dan tujuan hidup manusia, sementara kesatuan umat hanyalah dapat dibina dan dicapai apabila ada kesatuan tekad dan tujuan tertentu.

Perselisihan, pertentangan, persaingan, dan pepecahan yang menghalang tercapainya kesatuan umat, dapat kita cari pokok sebabnya pada lemahnya jiwa ketauhidan (Shamsuddin Sanusi, 1987; 38). Tauhid yang dapat menyatukan tujuan hidup manusia dari tujuan-tujuan yang bersifat syirik, kebendaan dan hawa nafsu, dan dipersatukan tujuannya kepada Allah SWT dan kepada mengejar anugerah dan keredhaannya. Seseorang yang beriman dengan Allah berkewajiban mentauhidkan Allah SWT dalam tiga aspek iaitu Rububiyah Allah, Uluhiyah Allah dan nama-nama dan sifat Allah.(Muhammad Ramzi bin Omar; 1999; 308)

2.7 Ukhwah Islamiyah

Dengan adanya aqidah yang akan mencerminkan pandangan, pedoman dan tujuan hidup yang sama, maka dapatlah wujud persaudaraan atau *ukhwah islamiyah*, satu persaudaraan yang berdasarkan kepada ikatan Islam dan ajaran Islam, yang tidak membezakan warna kulit, keturunan, bangsa dan bahasa. Hal ini telah dapat dilihat di zaman Rasulullah dengan mempersaudarakan kaum Muhajirin dengan kaum Ansar di Madinah.

Ajaran *ukhwah islamiyah* merupakan salah satu faktor kejayaan umat Islam, yang meliputi seluruh aspek kehidupan, sehingga hal ini dapat membangunkan perpaduan hati dan jiwa, dan hubungan yang akrab dan mesra dapat diwujudkan. Ketinggian nilai ukhwah Islamiyyah ini tidak dapat dicapai oleh sistem-sistem pandangan hidup apapun dan tidak dapat dibeli oleh segala nilai-nilai duniawi. (Shalahuddin Sanusi, 1987; 40). Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat :10 bermaksud; *“Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara”* Firman Allah SWT dalam surah al-Anfal; 63 pula bermaksud;

“Dan Allah SWT telah menyatupadukan diantara hati mereka, yang sekiranya engkau belanjakan seluruh isi bumi ini nescaya tiadalah engkau dapat menyatupadukan diantara hati mereka, tetapi Allah SWT yang menyatukan antara mereka, sesungguhnya Allah SWT Maha Berkuasa lagi Bijaksana”.

Firman Allah dalam surah al-Hasyr; 9 bermaksud:

“mereka (orang-orang ansar) mengasihi orang-orang yang pindah kepada mereka (muhajirin), dan tiada iri hati dalam hati mereka tentang apa-apa yang diberikan kepada mereka (muhajirin) itu bahkan mereka lebih mengutamakan orang-orang muhajirin daripada mereka sendiri, meskipun sebenarnya mereka juga berada didalam kesusahan”.

Menurut Muhammad M Ayoub (1996;234) prinsip kedua yang menjadi asas tegaknya umat Islam ialah persaudaraan iman. Seorang muslim itu merupakan saudara bagi muslim yang lain. Dan apabila berlaku konflik atau perselisihan faham diantara umat Islam, al-Quran telah menjelaskan bagaimana untuk mengatasinya, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat; 9 yang bermaksud;

“Dan jika ada dua golongan dari orang-orang mukmin berperang maka damaikanlah antara keduanya. Jika salah satu dari golongan itu berbuat anaiya terhadap golongan lain maka perangilah golongan yang berbuat kezaliman itu sehingga golongan itu kembali ke jalan Allah SWT, jika golongan itu telah kembali (ke perintah Allah SWT), maka damaikanlah antara keduanya dengan adil dan berlaku adillah. sesungguhnya Allah SWT menyukai golongan yang berlaku adil.”

Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa’ bermaksud;

“Apabila kamu berselisih pandangan tentang sesuatu masalah, maka kembalikanlah kepada Allah SWT dan Rasulnya, dan pemimpin (ulil amri) diantara kamu”.

Bahawa diantara kewajipan yang paling utama agar semua pihak menyedari bahawa persaudaraan Islam menyatukan serta memelihara barisan muslimin yang mukhlisin dan menghindarkan segala perkara-perkara yang boleh merosakkan perpaduan ini adalah diantara kewajipan yang paling penting dan merupakan ibadat yang paling utama, kerana dengan ukhwh ini kita dapat memperkuat usaha untuk menghapuskan segala rintangan-rintangan yang melambatkan usaha pemulihan kehidupan Islam yang diredhai oleh Allah SWT dan Rasulnya (Thaha Jabir Fayyadh al'Alwani, 1989:158). Selanjutnya dikatakan bahawa, sikap cuai terhadap ukhwh islamiyyah atau menganggap remeh terhadapnya semata-mata perbezaan pendapat adalah perkara yang tidak dibenarkan kepada seseorang muslim untuk melakukannya atau tidak mahu mengambil bahagian untuk menyertainya, terutamanya dalam situasi dan keadaan dimana umat-umat lain sedang berebut-rebut untuk memadamkan bara iman yang baru menyala dalam hati dan melenyapkan benih baik yang mula tumbuh di Bumi meskipun tangan-tangan kotor sentiasa berusaha mencabutnya.

2.8 Kesan Perbezaan Aliran Mazhab terhadap Kesatuan Umat Islam

Munculnya mazhab didalam Islam telah menimbulkan kesan negatif kepada kesatuan dankeharmonian Islam , kerana masing-masing golongan fanatik terhadap mazhabnya. Seperti dikemukakan oleh Muhammad al-Ghazali dalam Sayyid Murtadla al-Ridlami (1984; 19), orang-orang yang bermazhabSyafie mengolok-olokkan orang tartar yang bermazhab Hanafi , sebaliknya pula orang-orang bermazhab Hanafi pula menyamakan orang-orang yang bermazhab Syafie dengan orang *dzimmy* (orang ahlul kitab yang bersedia hidup di bawah pemerintahan Islam).

Implikasi munculnya mazhab terhadap masyarakat Islam yang masih umum secara relatifnyakurang menguntungkan, sebab perbezaan yang terjadi, walau amat kecil mampu mengakibatkanpertumpahan darah (Mustofa Muhammad Asy Syak'ah 1995: iii). Tetapi bagi kalangan intelektual, masalah perbezaan mazhab ini memberi sumbangan tentang pemikiran dan kaedah-kaedah yang ditempuh sehingga memperkayakan khazanah pemikiran Islam, meskipun hal itu menyangkut soal fekah sahaja (Mustofa Muhammad Asy Syak'ah, 1995; iii).

Oleh itu,Negeri Johor tidak menggalakkan adanya mazhab selain Mazhab Syafie dikalangan umat Islam, kerana dikhuatiri akan menimbulkan pepecahan umat Islam (temu bual dengan JAJ). Walaupun beliau mengakui bahawa keempat-empat mazhab tersebut adalah benar dalam satu akidah ahli sunnah. Sesungguhnya punca berlakunya perselisihan pendapat dan pepecahan diantara pengikut mazhab tersebut adalah kerana kecekakkan ilmu dan pemahaman sebenar tentang ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW , terutamanya didalam pelbagai perkara yang berkenaan dengan soal ijtihadiyah, sebagaimana berlakunya perbezaan pendapat dikalangan para sahabat dan tabi'en sebelumnya. (Thaha Jabir Fayyadh al-Alwani, 1989; 114).

Namun perkara ini semua tidak menghalangi mereka mengikut setengah yang lain untuk menjadi makmum didalam solat , sebagaimana Imam Abu Hanifah dan sahabat-sahabatnya serta Imam Syafie dan para imam yang lainnya sembahyang menjadi makmum kepada orang-orang yang bermazhab Maliki yang berpendapat bahawa tidak wajib membaca bismillah pada awal al-Fatihah sama ada perlahan atau jahar (Thaha Jabir Fayyadh al-Alwani, 1989;114).

Perbezaan yang besar diantara mazhab Imam Abu Hanifah dengan Imam Malik RA dan perbezaan asas-asas yang dianuti oleh masing-masing dalam hal yang mengenai mazhabnya, disamping perbezaan usia diantara kedua-duanya, namun tidak menghalang keduanya untuk menghormati antara satu dengan yang lain dengan adab yang tinggi, walaupun berbeza aliran keduanya dalam fekah. (Thaha Jabir Fayyadh al-Alwani, 1989; 121).

Sebenarnya kebanyakan dasar-dasar yang dibangsakan kepada para imam yang menjadi ikutan umat itu adalah dasar-dasar yang dihasilkan dari pendapat-pendapat mereka, yang tidak dapat dipastikan kebenaran riwayatnya dari mereka. Oleh itu, mengikat diri dengannya dan mempertahankan serta bersusah payah untuk menampilkan dan menjawab serta menolak segala pendapat yang berbeza-beza dengannya sehingga memalingkan dari mempelajari kitab Allah SWT dan rasulnya adalah merupakan yang paling menonjol dari perbezaan-perbezaan yang buruk, yang tidak menjadi tumpuan para imam itu sendiri. Malangnya umat Islam di masa akhir ini telah jauh dari nilai-nilai yang mulia itu sehingga mereka terlibat dalam persoalan-persoalan yang remeh, yang menyeret mereka ke jurang kehancuran yang menimpa umat hari ini (Thaha Jabir Fayyadh al-Alwani, 1989;99)

Para ulama mazhab-mazhab tersebut telah berijtihad untuk menerangkan hukum-hukum atau menyusun kaedah-kaedah bagi sesuatu sistem, tetapi para pengikut setiap mazhab itu telah berpegang kepada mazhab masing-masing secara keterlaluan dan mencurigai pula kebenaran mazhab yang lain (Abdul Razzak Naufal, 1983;130). Allah SWT mengkehendaki kemudahan dalam agama bagi orang-orang beriman. Oleh itu Allah SWT dan Rasulnya tidak mewajibkan kepada kita untuk kita bermusuhan dan menjauhi orang lain kerana perbezaan masalah furuk atau fekah. Perbezaan seperti inipun terjadi dikalangan para sahabat, padahal mereka adalah bersaudara dan saling berkasih sayang antara mereka (Muhammad AW. al-A'qil, 2002;59). Namun ketandusan adab perbezaan pendapat dikalangan ahli ilmu ini berlaku semenjak bermaharajalela sikap taqlid dan talfik dikalangan ahli ilmu ini berlaku semenjak bermaharajalela sikap taqlid dan talfik fanatik dan merosotnya akhlak ahli ilmu dan pandangan mereka terhadap ilmu itu sendiri (Thaha Jabir Fayyadh al-Alwani, 1989; 119)

Barangkali diantara perkara-perkara yang boleh membantu mengurangkan perselisihan pendapat di waktu ini dan boleh mendorong untuk memakai adab-adabnya ialah mengetahui sebab-sebab perbezaan pendapat para fukaha dari kalangan Imam Salaf dan Khalaf. Memahami sebab-sebab itu dan sejauhmana objektifnya, agar menjadi faktor pendorong yang kuat untuk berpegang dengan “Adab perbezaan pendapat” kerana sesungguhnya perbezaan pendapat hanyalah kerana sebab-sebab yang objektif , dimana mereka semua adalah orang-orang mujtahid (Thaha Jabir Fayyadh al-Alwani, 1989; 162).

2.8.1 Aliran Mazhab di Malaysia Perspektif dari Jabatan Agama Islam Johor

Pada umumnya Kerajaan Malaysia khususnya Jabatan Agama Islam Johor hanya mengalakkan umat Islam di Malaysia menganut satu mazhab sahaja iaitu Mazhab Syafie. Hal ini bagi memudahkan Jabatan Agama Islam untuk menyelia dan mengawal umat Islam di Malaysia ini. Selain itu, umat Islam di Malaysia khususnya di Negeri Johor ini sejak dahulu lagi telah berimamkan Imam Syafie dalam kehidupan seharian mereka, maka kerajaan khasnya Jabatan Agama Islam Johor ingin meneruskan kesinambungan yang sudah sekian lama dianuti

oleh masyarakat disini hanya berpegang kepada Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah berimankan Mazhab Syafie.

Tetapi bagi mereka yang telah mengamalkan mazhab Ahli Sunnah yang lain contohnya orang-orang India muslim yang mengamalkan Mazhab Hanafi dari dahulu lagi, mereka bebas untuk mengamalkan mazhab tersebut dan diberi kemudahan yang sepenuhnya untuk mereka khususnya di masjid dan surau yang khusus bagi mereka. Disamping itu kerajaan Malaysia memberi sakongan yang sepenuhnya kepada mereka yang ingin mengambil guru-guru mereka dari India untuk mengajar di sini dan permohonan Visa mereka akan dipermudahkan bagi tujuan tersebut.

Kerajaan Malaysia khasnya Jabatan Agama Islam Johor tidak menggalakkan orang-orang Melayu untuk menganuti Mazhab Wahabi kerana memandang golongan ini adalah membawa kepada pepecahan dalam masyarakat Islam di sini. Mereka didakwa sebagai golongan yang ekstremis yang tidak mahu bertoleransi dengan para penganut yang mengikuti mazhab yang empat. Menurut Timbalan

Pengarah Penyelidikan Jabatan Agama Islam Johor (JAJ) Hj. Masa'ari bin Tiba' golongan ini sudah wujud di Malaysia sejak tahun 80-an lagi dan mula mencari pengaruh dikalangan orang-orang muda dan juga golongan yang tua. Di Johor pula, ia mula dikesan di daerah Batu Pahat dan semakin berkembang di semua kawasan di negeri Johor ini. Rasional Jabatan Negeri Johor tidak membenarkan Mazhab Wahhhabi ini tersebar adalah kerana banyak masalah-masalah dan kes-kes yang timbul berpunca daripada pengikut mazhab yang tersebut yang sangat ekstremis.

Menurut beliau banyak kes yang melibatkan golongan ini yang menimbulkan ketidak tenteraman dalam masyarakat seperti pergaduhan dalam keluarga, suami isteri bergaduh, anak menderhakai bapa kerana menganggap segala amalan yang dilaksanakan oleh bapanya selama ini adalah tidak sah dan sia-sia kerana mengamalkan bidaah. Rentetan dari peristiwa inilah Jabatan Agama Islam Negeri Johor tidak membenarkan umat Islam di negeri ini untuk mengikuti Mazhab Wahhhabi dan para pendakwah Mazhab ini akan ditangkap jika dia didapati mengajar kepada masyarakat tentang fahaman mazhab tersebut. Setakat ini belum ada undang-undang atau enakmen yang khusus untuk menangani mazhab tersebut tetapi kerajaan negeri Agama Islam Johor menggunakan enakmen guru-guru tidak bertauliah yang mana-mana sahaja yang mengajar tanpa permit akan ditangkap dan dibicarakan kerana kesalahan tidak mendapat tauliah dari Jabatan Agama Islam Johor. Setakat ini, menurut Hj. Masa'ari Jabatan Agama Islam Johor telah membuat beberapa tangkapan berhubung guru-guru yang mengajar fahaman Wahhhabi kepada masyarakat. Dikalangan guru-guru tersebut ada yang berijazah dari Universiti Timur Tengah dan juga yang tidak mempunyai ijazah dalam bidang agama didapati mengajar fahaman Wahhhabi tersebut secara *illegal*.

2.9 Kesimpulan

Secara umumnya bab ini menjelaskan secara terperinci tentang sejarah perbezaan pendapat, aliran-aliran mazhab yang pelbagai, punca-punca perbezaan pendapat para Imam Mazhab, faktor-faktor yang mendorong kepada perbezaan pendapat, kemunculan pengasas-pengasas sekolah dan pembentukan mazhab-mazhab dan aliran-aliran Fiqh seterusnya muncul

empat mazhab yang utama dan terus dipegangi oleh masyarakat Islam sekarang. Kemunculan mazhab ini sedikit sebanyak mendatangkan banyak implikasi positif kepada umat Islam yang tidak banyak mengundang masalah kepada umat Islam yang fanatik kepada mazhab. Tetapi kemunculan mazhab yang pelbagai ini bukanlah satu alasan yang konkrit bagi kita untuk mempersalahkan kemunculannya sebagai punca kepada pepecahan umat Islam pada masa kini. Ini kerana perbezaannya adalah dalam sudut yang kecil dan tidak menjejaskan akidah utama (pokok) umat Islam keseluruhan dan bahkan perbezaan tersebut pada cabang (furuk) agama adalah satu rahmat kepada umat Islam dan sebagai satu bukti agama Islam memberi kebebasan umat Islam serta mengiktiraf akal yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada manusia. Dalam memahami dan mentafsir dengan semampu mungkin apa yang terkandung dalam al-Quran dan As-sunnah.

Kelahiran aliran baru yang dikenali sebagai Ittiba as-sunnah dan bermacam-macam nama lain diberikan kepada aliran ini seperti Wahhabi dan Salafi menambah lagi keributan dan kesan kepada perbezaan yang sedia ada dalam masyarakat Islam di Malaysia khususnya di UTM. Walaupun Salafi dan Khalafi itu dianggap dalam ruang lingkup Ahli Sunnah Waljamaah yang masih dipegangi oleh majoriti umat Islam kini tetapi kebelakangan ini masyarakat Islam seolah-olah cuba untuk memperbesarkan jurang perbezaan dan masing-masing menyalahkan antara satu sama lain dalam pengamalan ibadat seharian yang mana perkara tersebut tidak seharusnya berlaku. Sebagai umat Islam yang menjunjung perintah Allah SWT dan Rasulnya kita perlu melihat dalam sudut positif dan cuba menjernihkan kembali kekusutan yang ditimbulkan oleh mereka yang cuba memporak-perandakan agama Islam yang mulia ini.

Penjernihan dan pemulihan kekusutan tidak akan selesai kecuali dengan kita kembali ke sumber yang asal iaitu al-Quran dan As-sunnah yang diamanahkan oleh Rasulullah SAW untuk dipegangi selama-selamanya. Bab seterusnya akan melihat sejauh mana kesan perbezaan aliran mazhab dalam mempengaruhi masyarakat Islam khasnya warga kampus UTM Skudai. Sejauh mana pemahaman terhadap mazhab, keterbukaan pemikiran mereka terhadap mazhab yang berbeza dan juga akan melihat sejauhmana sensitiviti mereka terhadap mereka yang mengamalkan mazhab yang berlainan.

BAB III

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Pengenalan

Metodologi kajian yang terbaik ialah dimana ia dapat memudahkan proses pengumpulan data secara maklumat untuk dianalisa dan seterusnya dinilai ke arah pembentukan cadangan. Metodologi adalah amat penting dalam sesuatu kajian. Pemilihan metodolgi kajian yang tepat serta perancangan yang teliti dapat melancarkan satu lagi proses penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini.

Menurut Mohd. Majid Konting (1990; 32), kaedah penyelidikan merujuk kepada cara mendapatkan maklumat untuk mencapai objektif sesuatu penyelidikan. Cara maklumat itu diperolehi perlulah dengan cara yang paling berkesan dan menggunakan penggunaan perbelanjaan yang paling ekonomik. Bagi kajian ini dua bentuk kaedah penyelidikan akan digunakan iaitu kajian perpustakaan dan juga kajian lapangan. Dalam bahagian ini juga akan dihuraikan kaedah dan prosedur kajian yang dijalankan.

3.2 Metodologi Penyelidikan

Kajian ini akan menggunakan dua kaedah penyelidikan iaitu kajian lapangan dan kajian perpustakaan. Ini akan diperincikan sebagaimana di bawah;

3.2.1 Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan dibuat adalah pertama untuk menentukan pemilihan tajuk yang bersesuaian dengan penyelidikan. Hal ini bertujuan untuk memastikan tidak ada 'overlapping' sama ada dari segi tajuk dan kajian yang telah dijalankan. Kaedah kedua adalah kajian terhadap bahan bacaan iaitu melalui buku-buku ilmiah, jurnal-jurnal, keratan-keratan akhbar dan kajian penyelidikan yang terdahulu jika kajian yang seumpamanya telah dibuat.

Selain itu kajian perpustakaan juga bagi mendapatkan maklumat terperinci mengenai perbezaan aliran mazhab Ahli Sunnah Qaljamaah khasnya empat mazhab utama iaitu Mazhab Syafie, Maliki, Hambali dan Hanafi. Kajian ini juga boleh memberikan kefahaman yang lengkap mengenai sejarah, pengasas dan juga aliran perbezaan yang dibawa oleh keempat-empat mazhab dalam menjelaskan dan membincangkan sesuatu hukum dalam agama Islam dan maklumat mengenai literature ini dihuraikan secara terperinci dalam bab dua (Soroton Kajian).

Maklumat yang diperoleh menjadi hujah penting kepada hasil penemuan kajian secara keseluruhannya. Selain itu, angkubah-angkubah penting yang harus disentuh dalam kajian ini dapat dikenal pasti.

3.2.2 Kajian Lapangan

Kajian lapangan dibuat adalah bagi membuktikan situasi atau keadaan sebenar benar-benar berlaku di kawasan kajian. Ia sebagai satu pembuktian 'prove' dan juga penemuan kajian dimana hasil dari kajian lapangan ini akan membantu proses yang paling akhir iaitu cadangan dalam bab empat nanti. Terdapat empat kaedah utama yang akan digunakan dalam kajian lapangan ini iaitu lokasi kajian, populasi dan sampel populasi, soal selidik dan analisa data akan dilaksanakan.

3.2.2.1 Lokasi Kajian

Kajian ini akan dijalankan di Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor. Rasional pemilihan lokasi ini adalah kerana mengambil kira faktor-faktor seperti kesesuaian lokasi Universiti itu sendiri yang merupakan institusi pendidikan tinggi yang akan melahirkan para graduan yang berkeترampilan dan berkualiti pada masa hadapan. Oleh itu kajian ini nanti akan memberikan pendedahan dan kefahaman yang benar terhadap perbezaan aliran mazhab kepada para warga kampus khususnya dan masyarakat sekitar amnya.

3.2.2.2 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian dalam penyelidikan ini adalah kakitangan dan juga para pelajar Universiti Teknologi Malaysia. Kakitangan pula terbahagi kepada dua kumpulan iaitu ahli akademik dan bukan akademik dan penekanan bagi kajian ini adalah kepada kakitangan akademik khususnya para pensyarah. Jumlah sampel yang akan digunakan untuk kajian ini adalah seramai 200 orang.

Rasional pemilihan responden kakitangan dan para pelajar universiti adalah kerana mengambil kira kepada pengaruh dan kesan yang boleh dimainkan oleh dua kumpulan terbabit dalam mempengaruhi masyarakat sekiranya. Sekiranya kumpulan ini mempunyai kefahaman dan pengetahuan mengenai perbezaan aliran mazhab ia akan membantu kepada kefahaman masyarakat umum khususnya. Para ahli akademik mempunyai pengaruh dan kedudukan yang tersendiri dalam masyarakat dan mereka adalah golongan yang sesuai dalam memberi gambaran sebenar keadaan yang berlaku supaya tidak berlaku pecanggahan dan pertelingkahan sama ada dalam kampus atau masyarakat sekitar.

3.2.2.3 Soal Selidik

Kajian soal selidik ini dibuat untuk mengenal pasti sejauh mana kefahaman mengenai perbezaan mazhab dan golongan sasaran utama adalah ahli akademik sama ada para pensyarah dan juga para pelajar. Kaedah ini untuk mengenal pasti dan menjelaskan mengenai latar belakang kakitangan dan pelajar (mencakupi pendidikan, penyelidikan, pengetahuan dan penghayatan agama, pergaulan dan sebagainya), kesan perbezaan aliran mazhab terhadap warga kampus.

Menurut Mohd. Majid Konting (1990;14), soal selidik adalah lebih praktikal dan berkesan digunakan oleh populasi yang besar. Arah dan bentuk soalan yang dibina untuk soal selidik adalah piawai standard yang biasa digunakan oleh para penyelidik sains sosial dan responden dapat dipertanggungjawabkan terhadap ransangan soalan yang diberikan dengan lebih berkesan.

Selain itu, soal selidik juga dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas subjek terhadap ransangan soalan yang diberikan. Menurutny lagi, kajian menggunakan soal selidik boleh digunakan dengan lebih luas untuk mendapatkan maklumat bersifat fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan minat.

Satu set borang soal selidik yang mengandungi bahagian A, B, C, D dan E. Bahagian A berkaitan latar belakang responden iaitu termasuk umur, pekerjaan dan tahap pendidikan. Bahagian B pula lebih kepada persoalan mengenai Kefahaman Agama Islam responden dan tahap pembelajaran dalam bidang agama. Bahagian ini berasaskan soalan-soalan yang berbentuk objektif yang mana memerlukan responden menjawab 'betul' atau 'tidak'. Manakala bahagian C pula berkaitan dengan sikap dan amalan seharian responden. Bahagian D dan E pula para responden akan diajukan persoalan dan pertanyaan yang mana mereka perlu menilai berdasarkan skala likert.

Menurut (William Wiersma, 1969; 21) skala likert mengandungi lima nilai iaitu:

Nombor	Item
1	Sangat Setuju (SS)
2	Setuju (S)
3	Kurang Setuju (KS)
4	Tidak Setuju (TS)
5	Sangat Tidak Setuju (STS)

3.2.2.4 Analisa Data

Data yang diperoleh dari borang soal selidik dikumpulkan dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SSPS)* dan juga *Microsoft Excel* bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat. Penemuan kajian dibincangkan berasaskan data yang diperolehi dan seterusnya pembentukan cadangan akan dibuat berdasarkan penemuan hasil analisis ini.

3.3 Jangka Masa Kajian

Kajian ini akan memakan masa selama setahun bermula dari Jun 2002 dan berakhir pada Jun 2003.

3.4 Kesimpulan

Secara umumnya kajian perbezaan aliran mazhab ini akan melalui dua kaedah utama iaitu kajian lapangan (soal selidik) dan juga kajian literature. Data yang diperoleh hasil dari kajian soal selidik akan dianalisis untuk mendapatkan maklumat seterusnya menghasilkan penemuan kajian.

Cadangan akhir bab lima akan berdasarkan kepada penemuan kajian dan juga Sorotan Kajian. Bab ini juga menerangkan secara ringkas jangkamasa kajian, kawasan kajian dan juga kaedah analisa data yang akan digunakan.

Bab IV

Analisis Kajian

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang hasil kajian yang diperoleh dari kajian lapangan. Fokus perbincangan bab ini adalah berdasarkan kepada analisa yang dijalankan ke atas maklumat-maklumat yang diperoleh daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada sebahagian staf-staf dan para pelajar UTM Skudai, Johor. Soal selidik ini dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu bahagian A yang berkaitan dengan maklumat latar belakang responden, bahagian B berkaitan dengan pengetahuan agama responden, bahagian C berkenaan dengan amalan dan sikap responden, bahagian D pula berkaitan dengan sikap dan pandangan responden dan yang terakhir iaitu bahagian E yang berkaitan dengan cadangan responden. Untuk analisis bab ini dipecahkan kepada empat bahagian sahaja dimana bahagian C dan D digabungkan sekali dalam satu bahagian.

Berdasarkan kepada pecahan-pecahan analisis di atas, kesan perbezaan aliran mazhab ke atas kesatuan masyarakat Islam dapat diketahui.

4.2 Bahagian A

Bahagian ini menggunakan maklumat latar belakang responden iaitu umur, jantina, negeri asal, pekerjaan, kelulusan akademik dan tempat bekerja atau tempat belajar.

4.2.1 Latar Belakang Responden

Jadual 4.1 : Umur

	Jumlah	Peratus
19-23	113	56.0
24-28	16	8.0
29-33	13	6.5
34-38	6	3.0
35-39	10	5.0
40-44	10	5.0
45-49	16	8.0
50-54	16	8.0
Jumlah	200	100.0

Jadual 4.1 menunjukkan taburan umur responden dimana sejumlah besar responden ialah terdiri dari mereka yang dikategori sebagai remaja iaitu 56 peratus atau 113 orang dari

keseluruhan responden. Oleh itu hasil analisis ini kebanyakan lebih cenderung atau condong kepada pandangan golongan ini yang kebanyakan adalah para pelajar.

Jadual 4.2 : Jantina

	Jumlah	Peratus
Lelaki	108	54
Perempuan	92	46.0
Jumlah	200	100.0

Kajian ini telah dibuat supaya ada keseimbangan pandangan antara jantina di mana peratus responden yang dipilih agak seimbang antara responden lelaki dan perempuan. Pemilihan responden sebegini adalah dibuat bertujuan untuk menyeimbangkan pendapat dan pandangan yang mana sudah tentu berbeza antara lelaki dan perempuan dan ini sedikit sebanyak memberi gambaran serta mewakili secara keseluruhan pandangan masyarakat kampus. Rujuk jadual 4.2.

Dari kajian yang dibuat didapati responden yang berasal dari Johor merupakan jumlah terbesar iaitu seramai 67 orang atau 33.5 peratus dari 200 responden yang ditemubual. Tidak ada responden yang berasal dari Sabah dan terdapat 4.5 peratus atau seramai 9 orang terdiri daripada responden yang merupakan pelajar dari luar negeri. Rujuk jadual 4.3.

Jadual 4.3 : Negeri Asal

	Jumlah	Peratus
Perlis	5	2.5
Kedah	10	5.0
P. Pinang	5	2.5
Perak	15	7.5
Pahang	4	2.0
Kelantan	26	13.0
Sarawak	3	1.5
Selangor	13	6.5
N. Sembilan	13	6.5
Melaka	9	4.5
Johor	67	33.5
Terengganu	21	10.5
Lain-lain	9	4.5
Jumlah	200	100.0

4.2.2 Pekerjaan dan Tempat Bekerja Responden

Jadual 4.4 : Pekerjaan

	Jumlah	Peratus
Pelajar	103	51.5
Staf UTM	90	45.0
Lain-lain	7	3.5
Jumlah	200	100.0

Jadual 4.4 menunjukkan peratusan responden kajian ini adalah agak seimbang antara pelajar UTM dan staf UTM di mana para pelajar merupakan responden yang lebih ramai sedikit berbanding staf UTM iaitu seramai 103 atau 51.5 peratus berbanding staf UTM iaitu seramai 90 orang atau 45 peratus. Manakala lain-lain responden adalah seramai 3.5 peratus atau 7 orang.

Jadual 4.5 diatas menunjukkan taburan responden mengikut tempat kerja atau fakulti masing-masing. Responden teramat adalah dari Fakulti Sains iaitu seramai 59 orang atau 29.5 peratus dan lain-lain fakulti seperti FSKSM, fakulti Sains, PSZ adalah agak seimbang. Manakala peratus responden yang terendah adalah dari HEP, FPPSM, ATMA, FKA, dan FKE.

Jadual 4.5 : Tempat Kerja

	Jumlah	Peratus
PSZ	22	11.0
HEP	2	1.0
FAB	11	5.5
FKSG	12	6.0
FSKSM	25	12.5
FPPSM	5	2.5
FKM	9	4.5
FP	21	10.5
ATMA	6	3.0
FKA	3	1.5
FKE	4	2.0
FS	59	29.5
LAIN-LAIN	21	10.5
Jumlah	200	100.0

4.2.3 Kelulusan Akademik

Kebanyakan responden kajian ini terdiri dari mereka yang mempunyai kelulusan akademik yang paling rendah di peringkat PMR dan yang paling tinggi ialah pada peringkat PhD yang mana mereka ini adalah terdiri daripada pelajar ijazah dan penuntut luar. Manakala responden yang terdiri daripada pelajar ijazah pertama, keseluruhannya mempunyai kelulusan akademik pada tahap SPM iaitu seramai 103 orang atau 51.5 peratus. Responden yang berkelulusan diploma dan ijazah adalah sebanyak 17 orang dan 43 orang atau 8.5 peratus dan 21.5 peratus. Taburan kelulusan responden ditunjukkan seperti dalam jadual 4.6 di bawah.

Jadual 4.6 : Kelulusan Pengajian

	Jumlah	Peratus
PMR	6	3.0
SPM	103	51.5
DIPLOMA	17	8.5
IJAZAH	43	21.5
SARJANA	19	9.5
PHD	12	6.0
Jumlah	200	100.0

4.3 Bahagian B

Bahagian ini lebih membincangkan tentang tingkat pengetahuan agama serta fahaman responden terhadap perbezaan aliran mazhab khususnya mazhab Ahli Sunnah Waljamaah.

4.3.1 Pembelajaran tentang Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah

Kajian yang telah dibuat mendapati bahawa kebanyakan responden pernah belajar tentang mazhab Ahli Sunnah Waljamaah sama ada di sekolah, universiti, kelas-kelas agama, di masjid dan juga melalui pembacaan buku-buku agama. Sebahagian besar responden yang pernah mempelajarinya adalah seramai 148 orang atau 74 peratus. Rujuk jadual 4.7 di bawah. Mereka yang telah mempelajari Ahli Sunnah Waljamaah di sekolah adalah paling ramai iaitu seramai 121 orang atau 60.5 peratus. Manakala yang lain-lain adalah universiti 13 orang atau 6.5 peratus, kelas-kelas agama seramai 8 orang atau 4 peratus, di masjid dan melalui buku-buku agama masing-masing adalah seramai 4 dan 2 orang atau 2.0 peratus dan 1.0 peratus. Rujuk jadual 4.8.

Jadual 4.7 : Pernah Belajar Ahli Sunnah Waljamaah

	Jumlah	Peratus
YA	148	74
TIDAK	52	26.0
Jumlah	200	100.0

Jadual 4.8 : Tempat Belajar

	Jumlah	Peratus
TIDAK BELAJAR	52	26.0
SEKOLAH	121	60.5
UNIVERSITI	13	6.5
KELAS AGAMA	8	4.0
MASJID	4	2.0
BUKU-BUKU	2	1.0
Jumlah	200	100.0

4.3.2 Pemahaman Tentang Hadis Bidaah

Sebahagian besar responden iaitu seramai 76 orang atau 38 peratus menyatakan bidaah sebagai semua ibadat yang bukan berdasarkan apa yang Nabi pernah buat. Mereka yang menyatakan terbahagi kepada dua iaitu *bidaah hasanah* dan *bidaah dalalah* seramai 40 orang atau 32.5 peratus dan mereka yang memberi jawapan lain adalah seramai 19 orang iaitu 9.5 peratus. Peratusan responden sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 4.9 di bawah.

Jadual 4.9 : Pemahaman tentang hadis Bidaah

	Jumlah	Peratus
SEMUA IBADAT BUKAN BERDASARKAN APA YANG NABI BUAT TERBAHAGI KEPADA DUA	76	38.0
TIDAK TAHU	40	20.0
LAIN-LAIN	65	32.5
Jumlah	200	100.0

4.3.3 Pemerhatian Responden terhadap Perbezaan Aliran Mazhab di UTM

Dari pemerhatian pengkaji dan juga disokong oleh sebahagian data-data dari soal selidik mendapati terdapat perbezaan mazhab ditunjukkan oleh pelajar-pelajar UTM terutama pada pelajar-pelajar luar negeri. Terdapat sebahagian kecil pelajar dan staf UTM lebih cenderung terhadap pegangan Wahabbi atau dengan nama lain sebagai Ittiba' Sunnah atau dengan nama lain yang dikaitkan dengan golongan ini. Pengamatan pengkaji juga mendapati mereka dalam melaksanakan ibadat solat seperti mengerak-gerakan jari ketika tahiyat dan tidak membaca doa qunut ketika solat Subuh. Setakat ini, pegerakkan kumpulan ini masih bebas dan dipercayai ahli kumpulan mereka sentiasa bertambah dari masa ke semasa dan mereka menjadikan pelajar-pelajar baru dan mereka-mereka yang tiada asas *Pemerhatian pengkaji di Masjid UTM dan juga temu bual responden dengan beberapa orang jemaah masjid. agama dan tidak berlatar belakangkan agama sebagai sasaran mereka. Merujuk jadual 4.10 di bawah sebahagian responden mengakui terdapat perbezaan aliran mazhab juga agak besar iaitu seramai 75 orang atau 37.5 peratus. Mereka yang tidak tahu tentang perbezaan mazhab juga agak besar iaitu seramai 70 orang atau 35 peratus. Manakala mereka yang tidak nampak adanya perbezaan di UTM adalah seramai 55 orang atau 27.5 peratus. Dari kajian yang telah dibuat juga mendapati perbezaan aliran mazhab yang berlaku ini berpunca dari kemasukan pelajar dari luar negeri yang membawa bersama pegangan mazhab mereka yang berbeza dengan pengalaman masyarakat di sini. Jadual 4.11 menunjukkan 118 orang atau 59 peratus menyatakan perubahan berlaku adalah bawaan dari luar.

Manakala 28 responden atau 14 peratus lain menyatakan bahawa UTM sendiri yang membawa aliran mazhab yang berbeza dan mereka yang tidak tahu pula adalah seramai 54 orang iaitu sebanyak 27 peratus.

Jadual 4.10 : Adakah Anda Nampak Perbezaan Mazhab di UTM

	Jumlah	Peratus
YA	75	37.5
TIDAK	55	27.5
TIDAK TAHU	70	35.0
Jumlah	200	100.0

Jadual 4.11 : Apakah yang menyebabkan Perbezaan Mazhab di UTM

	Jumlah	Peratus
DIBAWA ORANG LUAR	118	59.0
ORANG UTM SENDIRI	28	14.0
TIDAK TAHU	54	27.0
Jumlah	200	100.0

4.3.4 Pandangan Responden terhadap Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah

Sebilangan besar responden iaitu seramai 125 orang atau 62.5 peratus bersetuju bahawa umat Islam seharusnya berpegang kepada salah satu daripada mazhab-mazhab Ahli Sunnah Waljamaah. Mereka yang tidak menyokong pula adalah sebilangan kecil iaitu seramai 28 orang atau 14 peratus. Manakala yang mengambil sikap tidak tahu pula adalah seramai 47 orang atau 23.5 peratus. Taburan peratusan tersebut ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 4.12 : Adakah Kita Perlu Berpegang kepada Satu Mazhab Sahaja

	Jumlah	Peratus
YA	125	62.5
TIDAK	28	14.0
TIDAK TAHU	47	23.5
Jumlah	200	100.0

Kajian yang dijalankan baru-baru ini juga mendapati ramai responden memilih Mazhab Syafie sebagai mazhab paling disyorkan untuk diikuti dan diamalkan oleh masyarakat Islam di sini. Seramai 170 orang atau 85 peratus yang berpendirian sedemikian. Mereka yang memilih Mazhab Maliki pula terdapat seramai 2 orang iaitu sebanyak 1 peratus, dan yang memilih kesemua empat mazhab pula seramai 14 orang atau 7 peratus. Responden yang menyatakan mazhab lain yang tidak disenaraikan oleh pengkaji seperti mazhab Wahabi, Syiah, dan lain-lain pula mencatatkan seramai 14 orang atau sebanyak 7 peratus. Dalam kajian ini juga tidak ada responden yang memilih Mazhab Hanbali dan Mazhab Hanafi sebagai mazhab pilihan mereka. Hasil kajian ditunjukkan seperti di jadual di bawah.

Jadual 4.13 : Apakah Mazhab yang Disyorkan untuk Diamalkan

	Jumlah	Peratus
SYAFIE	170	85.0
MALIKI	2	1.0
SEMUA MAZHAB AS	14	7.0
LAIN-LAIN	14	7.0
Jumlah	200	100.0

Lebih dari separuh responden atau 107 orang menyatakan tidak boleh digabungkan hukum dari lain-lain mazhab mengikut kemahuan sendiri. Mereka yang menyatakan sebaliknya pula adalah seramai 35 orang atau 17.5 peratus. Manakala mereka yang mengambil pendirian tidak tahu pula adalah seramai 58 orang atau 29 peratus. Rujuk jadual 4.14.

Jadual 4.14 : Apakah Kita Dbolehkan Memilih Hukum dan Digabungkan Mangikut Kemahuan Diri

	Jumlah	Peratus
YA	35	17.5
TIDAK	107	53.5
TIDAK TAHU	58	29.0
Jumlah	200	100.0

4.4 Bahagian C

Bahagian ini akan membincangkan mengenai sikap, amalan dan pandangan responden terhadap pengikut mazhab lain yang berbeza. Di sini kita mengenal pasti sejauh mana pergaulan, tingkah laku akhlak terhadap mereka yang berlainan mazhab.

4.4.1 Sikap dan Tingkah Laku terhadap Mereka yang Berlainan Mazhab

Kajian yang telah dibuat mendapati sebahagian besar responden boleh menerima perbezaan diamalkan oleh mereka yang berlainan mazhab. 144 orang atau 72 peratus menyatakan mereka boleh menerima perbezaan tersebut berbanding 34 orang atau 17 peratus yang merasa tidak senang dengan perbezaan yang diamalkan oleh mereka yang berlainan mazhab. Selain itu, seramai 127 orang atau 63.5 peratus responden menyatakan mereka tidak berasa terasing berada dalam kumpulan mereka yang berlainan mazhab. Manakala mereka yang merasakan sebaliknya pula seramai 73 orang atau 36.5 peratus. Hasil kajian ini ditunjukkan sebagaimana jadual 4.15 dan 4.16 di bawah.

Jadual 4.15 : Bagaimana Sikap Anda Terhadap Mereka yang Mengamalkan Mazhab yang Berbeza

	Jumlah	Peratus
BOLEH MENERIMA MEREKA	144	72.0
BERASA TIDAK SENANG	34	17.0
LAIN-LAIN	22	11.0
Jumlah	200	100.0

Jadual 4.16 : Adakah anda Berasa Terasing Bersama Mereka yang Mengamalkan Mazhab yang Berbeza

	Jumlah	Peratus
YA	73	36.5
TIDAK	127	63.5
Jumlah	200	100

Di samping ramai yang menyatakan tidak berasa terasing bersama mazhab yang berlainan, kajian yang dijalankan baru-baru ini juga mendapati sebahagian besar responden iaitu 121 orang atau 60.5 peratus menyatakan boleh solat bersama mereka yang berlainan mazhab manakala sebahagian kecil iaitu seramai 79 orang atau 39.5 peratus menyatakan mereka tidak boleh sembahyang bersama mereka yang berlainan mazhab. Peratus responden ditunjukkan sebagaimana jadual 4.17.

Jadual 4.17 : Adakah Anda Solat Bersama Kumpulan atau Mazhab Anda Sahaja

	Jumlah	Peratus
YA	79	39.5
TIDAK	121	60.5
Jumlah	200	100

Walaupun kebanyakan responden boleh menerima perbezaan mazhab dalam kehidupan seharian mereka tetapi terdapat juga sebahagian mereka yang payah menerima perbezaan yang berlaku dan keadaan ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada ketenteraman masyarakat umum khususnya masyarakat kampus. Kajian ini juga cuba mengenal pasti punca-punca ketidaktenteraman yang berlaku dalam masyarakat kampus. Kajian yang telah dijalankan mendapati punca utama perkara ini berlaku adalah kerana kekurangan ilmu kebanyakan pengikut mazhab-mazhab yang berbeza iaitu seramai 111 orang responden iaitu sebanyak 55.5 peratus daripada para responden berpendapat begitu. Faktor kedua pula adalah disebabkan sikap ekstrem dan taksub iaitu sebanyak 29 peratus responden. Manakala 16 orang atau 8 peratus responden menyatakan punca berlaku adalah kerana ibadat mereka yang berbeza dan mereka yang menyatakan lain-lain faktor pula seramai 15 orang iaitu sebanyak 7.5 peratus. Rujuk Jadual 4.18 di bawah

Jadual 4.18 : Pendapat tentang Punca Ketidaktenteraman masyarakat terhadap mazhab yang berbeza

	Jumlah	Peratus
KEKURANGAN ILMU	111	55.5
EKSTREM	58	29.0
IBADAT BERBEZA	16	8.0
LAIN-LAIN	15	7.5
Jumlah	200	100.0

4.5 Bahagian D

Pada bahagian ini analisis kajian adalah lebih tertumpu kepada soalan-soalan yang dikemukakan menggunakan kaedah skala likert (rujuk metodologi kajian). Dalam bahagian ini responden menggunakan menilai dan memilih pernyataan yang dikemukakan oleh pengkaji mengikut kesesuaian mereka. Ia dibahagikan kepada lima pilihan jawapan iaitu setuju, sangat setuju, kurang setuju, tidak setuju, dan sangat tidak setuju.

Jadual 4.19 : Cadangan Responden

No	Item	S Bil / %	SS Bil / %	KS Bil / %	TS Bil / %	STS Bil / %
1	Umat Islam perlu mempelajari dan memahami ajaran Islam yang berpandukan kepada al-Quran dan hadis yang sahih serta pemahaman para sahabat Nabi.	28.5 (57)	69.5 (139)	2.0 (4)	0	0
2	Umat Islam harus mempunyai garis panduan yang jelas di dalam menangani perbezaan aliran mazhab.	34.5 (69)	64.5 (129)	1.0 (2)	0	0
3	Umat Islam di sesebuah negeri atau tempat sebaliknya hanya mengikut salah satu aliran mazhab ahli sunnah sahaja, supaya kesatuan umat Islam dapat diwujudkan dan dikekalkan.	44.5 (89)	32.0 (64)	17.5 (35)	2.5 (5)	3.5 (7)
4	Pihak pelaksana polisi perlu berhati-hati dalam mengambil sebarang tindakan berhubung dengan perbezaan aliran mazhab sesama umat Islam.	40.0 (80)	58.0 (116)	2.0 (4)	0	0

Dalam item 1 seramai 69.5 peratus atau 139 orang responden sangat setuju umat Islam mempelajari ajaran Islam berpandukan al-Quran dan Assunnah serta pemahaman para sahabat Nabi. Seramai 57 orang atau 28.5 peratus setuju dengan pernyataan ini. Manakala hanya 2 peratus atau 4 orang responden kurang setuju dengan pernyataan ini. Tiada responden yang tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan sebahagian besar

menyatakan umat Islam perlu mempelajari dan menambahkan pengetahuan agama berdasarkan al-Quran dan Assunnah serta pemahaman para sahabat supaya umat Islam dapat memahami dan menghayati ajaran agama Islam yang sebenar dan mampu bertoleransi dengan mereka yang berlainan mazhab.

Item 2 pula menunjukkan bahawa sebahagian besar responden setuju supaya umat Islam perlu mempunyai garis panduan yang jelas dalam menangani perbezaan aliran mazhab. Sebanyak 64.5 peratus atau 129 orang sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Terdapat 34.5 peratus atau 69 orang bersetuju dengan pernyataan ini dan terdapat hanya 1 peratus sahaja atau dua orang responden yang kurang bersetuju dengan pernyataan ini. Selain itu, tiada responden yang tidak bersetuju dan sangat tidak setuju dengan pernyataan ini.

Dalam item 3 juga, sebahagian besar responden bersetuju supaya sesuatu tempat hanya mengikuti satu aliran mazhab *Ahli Sunnah Waljamaah* bagi mewujudkan kesatuan umat Islam. Kajian mendapati 44.5 peratus atau 89 orang responden bersetuju dengan pernyataan ini manakala 32 peratus atau 64 orang responden sangat bersetuju. Terdapat sebanyak 17.5 peratus atau seramai 35 peratus responden kurang bersetuju manakala 2.5 peratus dan 3.5 peratus responden lain masing-masing tidak setuju dan sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

Item 4 juga menunjukkan kecenderungan yang sama dimana lebih separuh responden menyatakan sangat setuju pihak pelaksana polisi perlu berhati-hati dalam mengambil sebarang tindakan terhadap perbezaan aliran mazhab. Sebanyak 58 peratus responden atau seramai 116 orang berpendapat sedemikian. Manakala 40 peratus atau 80 orang responden bersetuju dengan pernyataan ini. Terdapat juga segelintir responden yang menyatakan kurang bersetuju dengan pernyataan ini iaitu hanya sebanyak 2 peratus atau 4 orang. Selain itu, tiada responden yang tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Secara keseluruhannya sebahagian besar responden bersetuju dengan pernyataan digariskan.

4.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya analisis kajian ini telah berjaya mengenal pasti perbezaan mazhab dan kesannya ke atas kesatuan umat Islam. Analisis yang telah dijalankan menunjukkan perbezaan mazhab benar-benar wujud di kawasan kajian. Perbezaan ini timbul adalah berpunca dari penuntut luar yang datang sama ada dari Negara-negara jiran iaitu Indonesia, Negeri-negeri Arab dan Negara Afrika seperti Sudan, dan sebagainya. Di mana mereka kebanyakannya mengikuti aliran mazhab yang berbeza-beza dengan masyarakat tempatan sama ada Maliki, Hanafi, dan Hanbali. Negara seperti Negara Indonesia walaupun terdapat juga dikalangan rakyatnya yang mengikuti mazhab Syafie tetapi pengaruh yang lebih dominan di sana adalah para penganut aliran Salafi atau lebih dikenali di sini dengan panggilan Wahabi.

Mengikut maklumat yang diperolehi dari Jabatan Agama Islam Johor, (Rujuk Bab II Sorotan Kajian) para pengikut aliran ini ekstrem dalam mengamalkan ajaran agama. Mereka dipercayai mempertikaikan amalan ibadat yang dilakukan oleh masyarakat Islam disini yang dianggap mengamalkan bidaah. Pemahaman mereka kepada hadis bidaah amat sempit sehingga menyatakan mereka yang mengamalkan bidaah adalah sesat semata-mata walaupun terdapat bidaah yang baik iaitu bidaah Hasanah. Pemahaman dan pengajian agama masyarakat di sini mentakrifkan bidaah itu terbahagi kepada kepada dua iaitu bidaah hasanah (baik) dan

bidaah dalalah (sesat). Keadaan ini menyebabkan seolah-olah mereka membina dinding yang memisahkan antara mereka dan pengikut mazhab lain. Sikap dan tingkah laku mereka ini tidak mencerminkan sebagai penganut agama Islam yang baik. Sifat-sifat seperti toleransi, tawadu' dan merendah diri tidak diamalkan oleh mereka menyebabkan mereka dilihat mengancam pengikut aliran mazhab lain untuk mengamalkan ibadat yang lebih baik dan tenteram.

Walaupun aliran mazhab Wahabi ini dilihat boleh mengancam kesatuan umat Islam di sini, tetapi setakat ini pengikut aliran sedemikian masih kecil dan belum menggugat kesatuan umat Islam di sini. Masyarakat Islam di sini boleh menilai aliran mazhab yang sesuai dan tidak sesuai untuk diikuti. Analisis kajian juga mendapati kebanyakan responden boleh menerima aliran mazhab yang berbeza dan tidak akan terpengaruh dengan aliran mazhab yang ekstrem.

Bab V

Cadangan dan Penutup

5.1 Pengenalan

Bab ini manghuraikan rumusan penemuan kajian dan cadangan-cadangan ke arah memperteguhkan kesatuan umat Islam yang sedia ada serta menjernihkan kekeruhan yang timbul akibat perbezaan pendapat dan pegangan. Cadangan yang dikemukakan adalah berdasarkan hasil analisis kajian, pandangan-pandangan dan komen dari responden yang terlibat dalam kajian ini.

Cadangan-cadangan dalam bab ini dipecahkan kepada dua bahagian iaitu cadangan intergrasi umat Islam dan cadangan dalam konteks kawasan kajian. Bahagian yang pertama memfokuskan kaedah-kaedah *wahdatul umat* yang diasaskan oleh pemikir-pemikir Islam terdahulu. Bahagian kedua ialah cadangan khusus bagi kawasan kajian di mana ia menjelaskan peranan-peranan yang boleh diambil oleh pihak yang bertanggungjawab mewujudkan keharmonian dan ketenteraman umat Islam di kawasan kajian.

5.2 Rumusan Penemuan Kajian

Secara umumnya, analisis kajian telah berjaya menjelaskan keadaan sebenar kesan perbezaan aliran mazhab terhadap kesatuan umat Islam. Penemuan kajian ini sangat penting untuk menilai sejauh mana perbezaan tersebut memberi kesan kepada kesatuan umat Islam khususnya umat Islam di kawasan kajian.

5.2.1 Kesan Perbezaan Aliran Mazhab terhadap Kesatuan Umat Islam di UTM

Masyarakat Islam di kawasan kajian sebahagian besarnya adalah penganut *Ahli Sunnah Waljamaah* bermazhabkan Mazhab Syafie. Terdapat juga pengamal aliran lain seperti Wahabi dan mazhab-mazhab lain dimana diamalkan oleh sebahagian kecil warga kampus.

Perbezaan yang diamalkan oleh pengikut mazhab lain dalam *Ahli Sunnah Waljamaah* seperti Maliki, Hanafi, dan Hanbali yang kebanyakannya penuntut luar negeri tidak menjejaskan kesatuan umat Islam di sini kerana mereka mengamalkan secara bersendirian dan tidak disebar kepada orang lain. Mereka bebas untuk mengamalkan ibadat terutamanya ibadat solat mengikut aliran mazhab tersendiri. Kebimbangan sebenar umat Islam di sini adalah terhadap perbezaan yang diamalkan dan dibawa oleh pengamal aliran Wahabi yang dilihat sedikit ekstrem dalam pergaulan mereka (rujuk analisis 4.3.3).

Selain berbeza dalam pengamalan ibadat terutamanya solat, mereka juga didapati menyebarkan fahaman mereka kepada masyarakat Islam di sini. Kewujudan aliran mazhab ini di UTM sedikit sebanyak menimbulkan perasaan tidak senang hati dikalangan umat Islam disini khasnya para jemaah solat di Masjid UTM. Walaupun kewujudannya belum menjejaskan kesatuan umat Islam di sini secara total. Tetapi jika ia dibiarkan tanpa pemantauan dan

kawalan dari pihak terlibat dikhuatiri akan mengancam serta mancetuskan keadaan yang tidak terkawal pada masa akan datang.

Berdasarkan analisis kajian dalam bab 4 menunjukkan umat Islam menyedari kewujudan perbezaan mazhab di UTM. Seramai 75 orang responden atau 37.5 peratus responden menyatakan wujud perbezaan aliran mazhab di kawasan kajian. Analisis juga menyatakan kewujudan ini berpunca dari penuntut-penuntut luar negara yang belajar yang belajar disini. Sebahagian besar daripada mereka adalah pengamal aliran mazhab yang berbeza daripada masyarakat Islam di sini. (Rujuk jadual 4.10 dan 4.11 dalam analisis kajian 4.3.3).

5.2.2 Sikap Umat Islam terhadap Perbezaan Aliran Mazhab

Analisis kajian menunjukkan masyarakat Islam di kawasan kajian boleh menerima perbezaan aliran mazhab yang wujud di UTM. Sebanyak 75 peratus responden boleh menerima pengamal aliran mazhab yang berbeza. Selain itu, sebanyak 63.5 peratus menyatakan mereka tidak berasa terasing berada bersama-sama pengamal mazhab yang berbeza. (Rujuk analisis kajian 4.4.1). Antara faktor keterbukaan warga UTM dalam mengharungi perbezaan aliran mazhab yang timbul ini ialah ilmu agama yang mencukupi terutamanya pendedahan tentang perbezaan mazhab-mazhab dalam *Ahli Sunnah Waljamaah* sama ada secara formal dan tidak formal . Sebanyak 74 peratus responden pernah belajar tentang mazhab-mazhab Ahli Sunnah Waljamaah melalui buku-buku, kelas-kelas agama, di sekolah dan di universiti.

Pembelajaran ilmu agama yang cukup dan menyeluruh terutamanya berhubung dengan perbezaan aliran mazhab perlu ditekankan dan diperluaskan kepada seluruh umat Islam adalah kembali kepada al-Quran dan Assunnah Rasulullah serta peningkatan ilmu agama yang berterusan terutamanya dalam konteks ilmu-ilmu yang berhubung dengan perbezaan aliran mazhab yang sentiasa menjadi perhatian umat Islam dari masa ke samasa.

5.3 Cadangan Integrasi Umat Islam

Kesatuan umat Islam atau integrasi Islam adalah perkara yang paling penting atau paling pokok perlu dilaksanakan oleh orang-orang Islam masa kini. Pepecahan membawa kepada kerosakan, kebinasaan dan kelemahan manakala kesatuan bermaksud kekuatan ummah, kesejahteraan dan keharmonian hidup. Asas utama untuk mewujudkan kesatuan umat Islam adalah al-Quran dan assunnah Rasulullah SAW. Hal ini dibuktikan melalui firman Allah SWT yang bermaksud ;

“Kemudian jika kamu bantah-membantah (berselisih) dalam sesuatu perkara, maka kembalilah kepada kitab Allah SWT (al-Quran) dan (Sunnah) Rasulnya, sekiranya kamu beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik dan elok pula kesudahannya.”

Sebelum kedatangan Islam di Tanah Arab, masyarakat Arab ketika itu terbahagi kepada pelbagai fiqrah dan keturunan dimana setiap fiqrah ini bermusuhan dan bersaing di antara satu sama lain. Setelah cahaya Islam datang melalui wahyunya (al-Quran) kepada junjungan mulia,

pelbagai fiqrah dan keturunan tersebut dapat disatukan di bawah Islam. Umat Islam ketika ini juga perlu merujuk kepada sumber utama untuk memastikan keharmonian dan ketenteraman umat Islam wujud berterusan. Selain itu, terdapat juga 10 kaedah *wahdatul Ummah* yang dijelaskan oleh Kiai Haji Shalahuddin Sanusi dalam bukunya yang bertajuk Intergrasi Umat Islam iaitu ;

- i. Tauhid
- ii. Ukhuwah Islamiyah
- iii Musawah
- iv. Musyawarah
- v. Ta'awun (tolong-menolong)
- vi. Takaful Ijtima'I (tanggungjawab bersama)
- vii. Jihad, ijtihad dan amal
- viii. Fastabiqul khairat (berlumba-lumba dalam melakukan kebaikan)
- ix. Tasamuh (toleransi)
- x. Istiqamah

5.4 Cadangan Khusus bagi Kawasan Kajian

Analisis kajian menunjukkan wujud perbezaan aliran mazhab di UTM. Walaupun masih terkawal dan belum menjejaskan kesatuan umat Islam secara total pihak yang terlibat perlu memainkan peranan untuk memastikan keharmonian dan ketenteraman ini berterusan. Antara usaha yang perlu dijalankan dalam konteks ini adalah :

- i. Memberi pendedahan yang berterusan kepada warga kampus khususnya pelajar-pelajar baru mengenai wujudnya aliran mazhab yang berbeza di UTM. Pendedahan sebegini penting supaya mereka mengenali pengamal aliran mazhab yang berbeza dan bersedia menghadapi situasi yang begini di dalam kampus serta mereka tidak mudah terpedaya dengan golongan-golongan ini.
- ii. Memantau serta mengawal pergerakan kumpulan-kumpulan aliran mazhab ekstrem supaya mereka tidak menjadikan pelajar yang kurang asas pendidikan agama menjadi sasaran untuk menambahkan bilangan ahli mereka.
- iii. Memastikan dan mengawal guru-guru yang terlibat dalam penyebaran aliran mazhab ini di kampus serta memastikan mereka ini tidak menyebarkan fahaman yang berbeza tanpa kebenaran pihak universiti.

- iv. Menyediakan kursus-kursus dan bengkel kepada staf-staf dan pelajar-pelajar berkaitan dengan perbezaan aliran mazhab dari semasa ke semasa.
- v. Mengadakan dialog serta perbincangan yang tertutup bagi ahl-ahli kumpulan ini bagi memastikan mereka benar-benar menuntut syariah yang telah ditetapkan serta memastikan mereka tidak mengganggu warga kampus yang lain.

5.5 Penutup

Perbezaan faham atau perbezaan aliran mazhab dalam Islam adalah satu fenomena yang berterusan di mana tidak mungkin dan tidak mampu bagi umat Islam ketika ini untuk mewujudkan satu aliran yang boleh diikuti oleh umat Islam seluruhnya. Perbezaan ini kadangkala menimbulkan ketegangan dan perselisihan yang sememangnya tidak dibenarkan dalam syariah Islam dalam yang mulia ini. Kewujudan aliran mazhab yang sedikit ekstrem dalam pembawaannya yang mendakwa diri mereka adalah paling benar sedikit menggugat keharmonian dan ketenteraman umat Islam. Umat Islam di sini yang sekian lama disuburkan dengan mazhab *Ahli Sunnah Waljamaah* bermazhabkan mazhab Syafie menjadi sedikit terganggu dan tidak kurang sebahagian kecil umat Islam dipengaruhi oleh aliran yang berbeza ini.

Peningkatan ilmu agama berteraskan al-Quran dan Assunnah serta pendedahan yang meluas mengenai perbezaan aliran mazhab dilihat sebagai kaedah terbaik untuk mewujudkan keharmonian dan ketenteraman berterusan umat Islam.

Rujukan

- Abbas Husni Mohamad, 1996. *Perkembangan Feqah Islam*. Kuala Terengganu, Percetakan Yayasan Islam Terengganu.
- Abdul Kadir Djaelani, 2001 .*Membangun Masyarakat Bertamadun dan Harmoni*. Pustaka Dini Sdn. Bhd. Malaysia
- Abdul Razak Naufal, 1983 . *Kaum Muslimin Tidak Punya Masalah*. Terjemahan Muhammad Labib Ahmad. Pustaka Nasional Pte. Ltd. Singapura.
- Abdul Shalabi, 1986. *Sejarah Perundangan Islam*. Singapura Pustaka Nasional.
- Abdul Syalaby, 1986. *Sumber Pembinaan Hukum Islam*. Terjemahan Abdullah Badjerei. Penerbit Pustaka Nasional. Singapura
- Hasan Hamzah, 1997. *Kamus Melayu Global*. Piramid Perdana. Kuala Lumpur.
- Hisbi Al-Siddiqi, 1967 . *Pengantar Ilmu Feqah* . Jakarta, C.V. Mulja Kuala Lumpur, Penerbitan Universiti Malaya.
- Kamus Dewan 2000
- Kamus Kontemporer Arab Indonesia,1996.
- Kamus Za'ba, tt
- Kassim Salleh, 1989,*Ijtihad, Sejarah dan perkembangannya*.Kuala Lumpur, al-Rahmaniah
- Kiai Haji Shalahuddin Sanusi, 1987 .*Intergrasi Umat Islam*. Bandung, Penerbit Iqmatuddin Bandung
- Mahmood Zuhdi b. Abd Majid, 1992.*Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala
- Mahmoud Ayoub, 1996. *Islam, Iman dan Amal..* Bismi Publisher. Malaysia
- Muhammad al-Ghazali, 1991. *Ahklak Seorang Muslim*. Terjemahan Abu Laila dan Muhammad Tohir. Victory Agency. Malaysia
- Muhammad AW. al-‘Aqil, 2002 .*Manhaj Aqidah Imam Asy-Syafi’i*. Terjemahan Nbhani Idris dan Saefudin Zuhri. Pustaka Imam Asy-Syafi’i. Bogor
- Muhammad Nashruddin al-Albani,2000. *Sifat Shalat Nabi Shallallahu’alaihi wa Sallam*. Terjemahan Muhammad Thalib. Media Hidayah. Yogyakarta
- Muhammad Ramzi bin Omar, 1999 *Pembahagian Akidah Ahli Sunnah Waljamaah* Pustaka ilmi. Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Mustofa Muhammad Asy-Syaka'ah, 1995 . *Islam Tidak Bermazhab* . Syarikat S. Abdul Majeed & Co. Kuala Lumpur

Musthafa Assiba'I, 1982.*Al-Hadith Sebagai Sumber Hukum*.Jawa Barat, Anggota IKAPI (Ikatan Penerbitan Indonesia)

Siti Zalikah Hj. Md Nor et. Al, 2001. *Konsep Perundangan Islam*. Selangor Darul Ehsan, Dewan Bahasa Pustaka

Sayid Murtadla al-Ridlawy, 1984 . *Membina Kerukunan Muslimin* . Terjemahan Muhammad Tohir. Pustaka Jaya. Jakarta.

Thaha Jabir Fayyadh Al'Alwani, 1989. *Adab Perbezaan Pendapat Dalam Islam*. Kuala Lumpur, Dewan Pustaka Islam

Yusof al-Qardhawi, 1998 . *Panduan Memahami Syariat Islam*. Batu Caves Selangor, Pustaka Ilmi